



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Tuan Govindaraj anak Varadarajulu [Ruangan 11459]

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 11459]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 11459]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980

Jawatankuasa (Hari Keenambelas):

Jadual—

Maksud B. 65 [Ruangan 11488]

Maksud B. 66 [Ruangan 11504]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 11546]

**USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Keenambelas):

Maksud P. 65 [Ruangan 11488]

Maksud P. 66 [Ruangan 11504]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 11546]



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., (Ulu Kelantan).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.J., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D., (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Teluk Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P., (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIYUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, s.m.s. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S. A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K. J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN, (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P. P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.  
Louis Yeoh Sim Ngoh.  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.  
Suhor bin Husin.  
Amran bin Ahmad.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Margaret Chye Kim Lian.  
Puan Ng Chong Kin.  
Puan Kong Yooi Thong.  
Juliah binti Awam.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Hassan.  
Shamsiah binti Mohd. Yusof.  
Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 5hb Disember, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Govindaraj anak Varadarajulu

PENGUMUMAN YANG  
DI-PERTUA

## Mengalu-alukan Ahli Baru

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kemenangan dan keanggotaan Yang Berhormat Tuan Govindaraj anak Varadarajulu sebagai anggota Dewan Rakyat ini dan saya mengharap bahawa Ahli Yang Berhormat itu akan memberikan segala sumbangannya di dalam Dewan ini dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan di Dewan ini bagi kepentingan negara dan bangsa seluruhnya (*Tepuk*).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAANTANDA AMARAN KESIHATAN DI  
KOTAK ROKOK

1. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah reaksi secara kasar sejak dituliskan pelekat bahaya ke atas kotak-kotak rokok

dan adakah bilangan penyakit dari ancaman rokok ini telah dirasa berkurangan oleh kalangan perubatan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, reaksi dari orang ramai adalah banyak dan berbeza-beza. Setengah orang merasakan ianya tidak akan mencapai banyak kejayaan, yang lain pula merasakan ianya satu langkah permulaan yang baik terhadap satu tugas yang sukar, sambil yang lain pula merasakan ianya adalah sebagai satu petunjuk tentang pendirian positif yang diambil oleh pihak Kerajaan yang telah sedar akan bencana merokok terhadap kesihatan seperti yang telah dibuktikan oleh lebih daripada 30 tahun penyelidikan saintifik. Berikutan dari tindakan positif ini banyak lagi aktiviti-aktiviti yang berfaedah dengan penglibatan agensi-agensi Kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan sukarela dan masyarakat akan dapat dicapai.

Satu kajian yang dibuat oleh Instituti Teknologi MARA baru-baru ini menunjukkan bahawa amaran bahaya kesihatan pada kotak-kotak rokok telah mendapat perhatian sebilangan besar orang ramai dan telah mencegah setengah-setengah dari mereka daripada merokok. Adalah diragui jika mereka yang ketagih merokok mengindahkan tanda amaran itu.

Penyakit-penyakit yang disebabkan oleh menghisap rokok seperti barah, bronchitis dan penyakit jantung tidaklah menurun mengikut statistik yang ada, di sebaliknya penyakit-penyakit seperti barah sedang meningkat mengikut aliran masa. Adalah keterlaluan jika mengharap bahawa merokok dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya akan berkurangan semata-mata disebabkan adanya tanda amaran kesihatan di kotak-kotak rokok itu.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Kementerian Kesihatan menyedari betapa merbahayanya rokok bagi mereka yang merokok, adakah Kementerian Kesihatan menasihati Kementerian-kementerian yang lain supaya jangan menanam tembakau dalam negara kita.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sebagai sebuah Kementerian yang ditugaskan oleh rakyat dan Kerajaan untuk menjaga kesihatan rakyat memanglah sentiasa menjalankan tugasnya untuk menasihati bukan sahaja Kementerian-kementerian bahkan orang ramai.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Oleh kerana rokok ini disenaraikan dalam perkara mudarat kepada manusia dan oleh kerana amaran yang ditulis itu menggunakan huruf yang terlampau halus, soalnya adakah satu cadangan untuk membesarkan sedikit untuk lebih menarik lagi orang membacanya.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu akan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan tentang betapa merbahayanya menghisap rokok, pertanyaan saya adakah Kementerian beliau bercadang untuk mengarahkan supaya industri rokok ini mengurangkan kandungan (content) yang ada di dalam rokok, seperti nicotine, cyanide dan yang menjadi bahaya kepada rokok itu kerana perubahan untuk melarang rakyat daripada menghisap rokok hampir-hampir satu perkara yang mustahil untuk melibatkan seluruh rakyat, tetapi tentu ada cara-cara atau cadangan untuk mengurangkan bahaya yang ada dalam kandungan rokok itu.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah menyebut nicotine dan mengatakan sama ada pihak Kementerian akan mencadangkan supaya industri cigarette mengurangkan kandungan nicotine. Saya rasa ini adalah sangat baik dan kita boleh cadangkan kepada pihak manufacturers cigarette. Walau bagaimanapun nicotine hanya merupakan salah satu bahan yang terkandung dalam tobacco dan tobacco

smoke. Ada juga bahan-bahan yang lain yang agak lebih merbahaya juga tetapi yang seelok-eloknya kalau dapat kita mestilah menggalak dan memberi pengajaran kepada orang ramai supaya jangan merokok dan menyatakan merbahayanya menghisap rokok ini.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang lain lagi bagi langkah menghentikan perokok-perokok menghisap rokok. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tidak memadai dengan pelekat bahaya ke atas kotak rokok sahaja. Kalau sedar apakah tindakan selanjutnya?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, satu kempen untuk menasihati orang ramai atas bahaya menghisap rokok telah dijalankan juga oleh Kementerian Kesihatan. Bagi permulaan Kementerian Kesihatan telah menjalankan kempen di kalangan kakitangannya sendiri bahkan di bilik-bilik mesyuarat di Kementerian Kesihatan ada diletakkan poster-poster mengatakan merokok itu adalah merbahaya kepada kesihatan kita.

Selain daripada itu, memang ada cadangan hendak memberi pelajaran kesihatan (health education) dan kita harap akan memperkuatkan lagi pelajaran kesihatan di dalam bidang ini dan juga pihak Kementerian Kesihatan ada mengambil bahagian dalam usaha-usaha voluntary organisation dalam kempen melarangkan merokok itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan supaya kempen anti hisap rokok lebih berkesan, adakah pihak yang berkenaan bercadang menghendaki untuk setiap iklan televisyen satu pengumuman dibuat di akhir iklan itu bahawa "Menghisap Rokok adalah Merbahaya".

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Kita boleh timbangkan.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada beberapa negeri telah menghapuskan langsung iklan rokok ini di radio dan televisyen. Jadi adakah pihak Kementerian Kesihatan

hendak memberi nasihat kepada Kementerian Penerangan supaya iklan rokok ini jangan dibuat di televisyen dan radio.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini pendapat saya sendiri tidak begitu pasti bahawa dengan adanya kita membatalkan iklan ini ia akan memberi kesan yang begitu baik. Tetapi saya rasa cara yang lebih baik ialah satu cara yang positif iaitu memberi pelajaran kepada rakyat tentang bahaya merokok ini. Umpamanya, saya telah difahamkan di kalangan anak-anak sekolah memang ada eksperimen dibuat di sekolah-sekolah di mana mereka telah menunjukkan bahaya menghisap rokok ini kerana kita dapati umpamanya di negeri jiran kita di mana iklan merokok ini telah dibatalkan tetapi bilangan orang merokok pun masih meningkat. Saya rasa perkara ini patutlah kita kaji dengan sedalam-dalamnya dan mencari satu cara yang lebih positif untuk menasihatkan orang ramai supaya jangan merokok.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedari bahawa sungguhpun berbagai usaha dan kempen pelajaran telah dilancarkan menasihati dan mendidik orang ramai supaya jangan menghisap rokok, tetapi sebaliknya syarikat-syarikat rokok telah menggalakkan orang ramai menghisap rokok. Maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menimbangkan untuk menghalang atau mengharamkan semua advertisements baik di suratkhbar dan mass media, di panggung wayang atau televisyen dan lain-lain.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Jawapannya baru saya beri tadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu hanya iklan di televisyen sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkehendakkan iklan di akhbar-akhbar dan sebagainya.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat iklan-iklan mengenai rokok sekarang, pada dua malam yang lepas saya telah melihat iklan hanya menunjukkan rokok itu dan mengatakan tembakau ini fresh dan iklan-iklan yang ada sekarang tidak ada dikaitkan dengan kejayaan ataupun sucsskah, prestigekah dan

lain-lain lagi. Saya rasa dalam negara kita yang mengamalkan free enterprise perkara seperti itu tidak menjadi kesalahan yang besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi cara iklan itu sungguh menarik terutama kepada belia-belia.

Yang Berhormat Tuan Shamsuri bin Md. Salleh.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Parit.

#### LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT—PERLANTIKAN EJEN BUMIPUTRA

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S. O. 24(2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan pihak manakah yang bertanggungjawab melantik ejen-ejen penjual tiket loteri Kebajikan Masyarakat; berapa ramaikah Bumiputra yang menjadi ejen bagi tiap-tiap negeri memandangkan cara perlantikan ejen-ejen penjual sekarang banyak menimbulkan rasa tidak puashati terutama di kalangan Bumiputra, adakah beliau bercadang mengambilalih kuasa lantikan itu dan diletakkan di bawah Kementerian beliau sendiri.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, ejen-ejen penjual tiket loteri adalah dilantik oleh pihak Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan sepertimana yang dikehendaki oleh Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.

Di Semenanjung Malaysia terdapat 12 ejen bumiputra dan 11 ejen bukan bumiputra, di negeri Pahang dan Johor masing-masing terdapat dua buah ejen loteri kepunyaan bumiputra dan di negeri yang lain mempunyai satu melainkan negeri Trengganu belum ada lagi mempunyai ejen bumiputra.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu pada masa ini ejen-ejen loteri bumiputra mendapat peruntukan 41.27% daripada jumlah tiket loteri dan jumlah yang diberi kepada satu-satu ejen adalah mengikut kesanggupan mereka menjual semuanya.

Bilangan ejen yang dilantik bergantung kepada penjual atau pasaran dan Lembaga Loteri mendapat perasingan dengan lain-lain jenis loteri seperti Lumba Kuda, Empat Ekor dan TOTO.

Pada masa ini Lembaga Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan adalah di bawah pentadbiran Kementerian Kebajikan Am. Kedudukan ini adalah sama dengan lain-lain badan berkanun Kerajaan yang mana pentadbirannya di bawah pengelolaan sebuah Kementerian dan Kementerian saya belum ada lagi cadangan hendak mengambilalih kuasa perlantikan itu.

**Tuan Lim Cho Hock:** Sehingga hari ini adakah ejen-ejen yang berhubung dengan Kementerian. Mereka sudah dapat loteri tetapi tidak membayar wang kepada Kementerian. Ada atau tidak?

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak.

#### PENYELUDUPAN GETAH KE THAILAND

3. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar tentang adanya penyeludupan getah ke Thailand yang menyebabkan kehilangan kira-kira 150,000 pikul sebulan dan \$30 juta setahun Cukai Ekspot Getah dari negara kita, jika sedar, apakah langkah-langkah tegas Kerajaan untuk mengawal dan mencegah daripada perkara ini berlaku dengan berterusan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang serupa telahpun diberi di dalam persidangan Dewan Rakyat bertarikh 19hb Mac, 1979. Oleh yang demikian, Ahli Yang Berhormat itu adalah diminta membuat rujukan kepada jawapan yang telah dirakamkan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini menurut Timbalan Menteri sudah ada soalan seumpamanya ditanya dan dijawab di sini. Jadi mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (d), kalau sudah ada jawapan yang seperti itu, tak boleh disoalkan lagi, dan mengikut 23 (1) (p) dalam satu session, dalam satu penggal ini tak boleh ditanya lagi kalau jawapan penuh sudah ada. Jadi hendak tanya apa?

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya rasa tidak pernah dijawab dan juga tidak pernah ditanya berkenaan soal itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu! Saya katakan dia ada dua: Peraturan Mesyuarat 23 (1) (d) kalau ada yang berkenaan dengan ini tak boleh ditanya lagi, dan kalau sudah dijawab dengan penuh pula di bawah 23 (1) (p) tak boleh juga.

#### GURU BESAR—KENAIKAN PANGKAT

4. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah asas-asas bagi kenaikan pangkat bagi guru-guru penolong kepada guru-guru besar dan bagi guru-guru besar daripada sekolah grade "C" ke grade "B" dan daripada grade "B" ke grade "A".

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua seseorang Guru Besar Sekolah Menengah Grade "C" tidak boleh dinaikkan pangkat kepada Guru Besar Sekolah Menengah Grade "B" kerana taraf perjawatannya berlainan. Bagi jawatan Guru Besar, Sekolah Menengah Grade "C" tarafnya ialah Kategori C1, Tingkatan Tertinggi dan bagi Jawatan Guru Besar, Sekolah Menengah Grade "B" pula ialah Kategori D1, Tingkatan kanan. Syarat kelayakan bagi kedua-dua jawatan ini adalah berbeza iaitu Kategori D1 memerlukan Ijazah Kepujian dari Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Kategori C1 hanya memerlukan kelulusan HSC/STP sahaja.

Asas-asas kenaikan pangkat dalam perkhidmatan pelajaran pada keseluruhannya adalah mengikut lunas-lunas yang ditetapkan

oleh peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pada amnya, kenaikan pangkat seseorang guru dalam perkhidmatan pelajaran berdasarkan pada prinsip-prinsip berikut:

- (i) Kelayakan akademik dan ikhtisas seperti yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan termasuklah pengalaman bekerja.
- (ii) Kebolehan dan kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya.
- (iii) Kesesuaian seperti sifat-sifat peribadi yang terpuji termasuklah kejujuran, taat setia dan bertanggungjawab.
- (iv) Kekananan dalam perkhidmatan hanya akan diambil kira jika lebih dari seorang mendapat markah atau nilai yang sama.

Urusan kenaikan pangkat adalah ditadbirkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan dan bagi guru-guru Kategori C1 atau C2, Lembaga itu ialah Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran yang ditubuhkan mengikut P.U. (A) 89 tahun 1974.

**Tuan Awang bin Jabar:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang untuk mengambil kira sama guru-guru agama yang mempunyai syarat-syarat yang cukup sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk dinaikkan pangkat guru besar sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya semua guru-guru agama yang ada di sekolah-sekolah yang terlibat di dalam Semenanjung Malaysia diambil kira seperti mana guru-guru yang lain juga. Dengan lain-lain, perkataannya mereka termasuk di dalam kategori ada kelayakan seperti saya senaraikan tadi, maka mereka layak dinaikkan pangkat.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat akan menubuhkan satu jawatan-kuasa untuk mendengar segala aduan dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dari sekolah Cina berkaitan dengan exercise kenaikan pangkat baru-baru ini, khususnya di dalam Kategori B1 dan C1?

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun soalan itu terkeluar sedikit daripada soal asal, tetapi ada kaitan sedikit, kalau Yang Berhormat Menteri hendak memberi jawapan bolehlah.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah kiraan saya, saya telah mengadakan perjumpaan tidak kurang daripada 3 kali dengan wakil-wakil kesatuan guru-guru di seluruh negara sebelum saya melaksanakan exercise menggeredkan sekolah-sekolah. Di dalam perjumpaan saya itu termasuklah wakil-wakil daripada tiap-tiap persatuan yang ada di dalam negara ini, termasuklah sekolah Cina, sekolah Tamil dan sebagainya. Semua wakil kesatuan-kesatuan itu telah di beri peluang untuk menarik perhatian saya atas kemungkinan perasaan tidak puas hati dan sebagainya berhubung dengan exercise ini. Dan setakat ini saya puas hati di atas pelaksanaan apa yang telah dijalankan sebagai exercise menggeredkan sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa pihak wakil-wakil guru Kategori B1 yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka dan mereka telah berjumpa dengan beberapa orang wakil daripada MCA, tak tahulah DAP dia jumpa atau tidak, tetapi perkara ini saya faham dan saya dapat anggap terima di dalam lingkungan perwakilan sesuatu union yang cuba memperjuangkan kedudukan ahli-ahli di dalam kategori itu sahaja. Pihak Kementerian telahpun membuat huraian yang sepenuh-penuhnya berhubung dengan kedudukan guru-guru Kategori B1 khususnya berhubung dengan soal yang telah dibangkitkan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, setahu saya di dalam kenaikan pangkat guru-guru ini mereka itu dilantik sebagai pemangku guru besar grade A atau pemangku guru besar sekolah grade B kerana kenaikan pangkat. Adakah guru-guru ini akan ditarik balik kenaikan pangkatnya sekiranya didapati guru itu tidak layak kerana guru itu dilantik sebagai pemangku sahaja?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam exercise menggeredkan sekolah ini saya tidak pasti ada guru-guru yang dilantik sebagai pemangku. Apa yang terjadi ialah barangkali guru-guru pemangku

sama ada dilantik terus-menerus sebagai guru besar tetap ataupun kadangkala tidak diberi peluang memangku lagi. Itu sebagai apa yang terjadi sekarang.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada dalam exercise kenaikan pangkat ini guru-guru penolong juga terlibat dan sekiranya terlibat adakah beliau sedar bahawa ada guru-guru yang telah menajwat dalam jawatan Senior Assistant selama beberapa tahun tiba-tiba diberitahu bahawa mereka tidak akan menajwat sebagai Senior Assistant lagi. Sekiranya, ya, apakah asas yang digunakan untuk melantik Senior Assistant di sekolah menengah?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, semua guru-guru terlibat di dalam urusan naik pangkat ini penekannya diberi kepada sesiapa juga guru-guru yang ada kelayakan seperti yang saya senaraikan tadi. Dari segi kedudukan penolong kanan, misalnya, yang telah memegang jawatan yang begitu lama mereka tidak disahkan ataupun dinaikkan pangkat, saya memang sedar ada berlaku beberapa perkara yang tertentu boleh dikatakan tiap-tiap hari saya dapat panggilan telefon ataupun permintaan perjumpaan, rayuan dan sebagainya, tetapi boleh dikatakan tiap-tiap kali rayuan itu dikemukakan kepada saya ada sebab-sebab yang tertentu yang telah menyebabkan kedudukan mereka itu terpaksa dijalankan seperti yang diputuskan.

Walau macam manapun, dari segi kelulusan mereka, saya sudah pun menjawab asas-asas kita menentukan kenaikan pangkat itu, dan kalaulah difikirkan ada sesiapa juga yang dianggap menjadi mangsa, saya sedia untuk menimbangkan kedudukan tiap-tiap seorang yang terlibat itu. Saya suka mengaitkan dengan soalan yang saya tidak dapat menjawab daripada Ahli Yang Berhormat sebelum ini iaitu dalam masa 6 bulan saya akan mengkaji memerhatikan kesannya dan di mana difikir tindakan lanjutan diambil akan diambil.

## KILANG DIBINA DI DESA

**5. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan

adakah Kerajaan sedar bahawa kilang-kilang selalunya didirikan berhampiran dengan kawasan bandar, jika sedar, kenapa tidak kilang-kilang berkenaan dibina di desa-desa supaya belia-belia desa tidak perlu berhijrah ke bandar untuk bekerja di kilang-kilang.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pada tahun-tahun perusahaan perindustrian mula ditubuhkan di negara ini, pada keseluruhannya, banyak kilang-kilang didirikan berhampiran dengan kawasan bandar. Faktor utama yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku ialah terdapatnya penarikan semula jadi yang wujud di bandar-bandar bagi penubuhan kilang seperti kemudahan infrastruktur, kemudahan mendapatkan pekerja-pekerja mahir, pasaran dan kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan industri pembantuan.

Walau bagaimanapun, sukalah saya jelaskan bahawa menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan industri-industri di kawasan-kawasan kurang maju dan luar bandar. Berhubung dengan perkara ini, beberapa langkah telahpun diambil oleh Kerajaan untuk tujuan tersebut seperti:

- (i) mengadakan galakan-galakan tambahan melalui Akta Galakan Pelaburan 1968 seperti Galakan Tempat Kedudukan dimana projek-projek perkilangan yang ditempatkan di kawasan luar bandar yang layak atau kawasan pembangunan boleh mendapat pengecualian cukai sehingga 10 tahun;
- (ii) projek-projek perkilangan yang berkelayakan akan diberi galakan yang lebih sekiranya projek tersebut ditempatkan di kawasan kurang maju berbanding dengan sekiranya projek tersebut ditempatkan di kawasan yang telah maju. Juga bagi beberapa projek perkilangan yang tertentu yang tidak lagi boleh diberi kelulusan sekiranya ditempatkan di kawasan maju, kelulusan boleh lagi diberikan kepada projek tersebut sekiranya projek tersebut ditempatkan di kawasan kurang maju;
- (iii) mengadakan estet-estet perindustrian dan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar. Sehingga 31hb Disember, 1978, dari

sejumlah 15,270 ekar kawasan perindustrian yang dimajukan, sebanyak 8,442 ekar atau 55.3% daripadanya adalah ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju; dan

- (iv) mendorong dan menggalakkan industri-industri yang sesuai untuk menempatkan kilangnya di kawasan-kawasan kurang maju.

Sukalah saya maklumkan iaitu Kerajaan telah mencapai kejayaan dalam usaha bagi menyelerakkan industri-industri ke kawasan-kawasan kurang maju. Misalnya, pada tahun 1971 dari sebanyak 304 projek-projek perindustrian yang diluluskan, 131 projek atau 43% telah ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju manakala dalam tahun 1978 dari 428 projek yang diluluskan, 240 projek atau 56.0% telah ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju.

#### PEJABAT TANAH—MEMODENKAN SISTEM PENTADBIRAN

**6. Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau sedar bahawa sistem fail di Pejabat-pejabat Tanah di negara kita adalah cara lama pada keseluruhannya dan fail-fail telah hilang atau tidak dapat dikesan dan adakah beliau akan menimbang mengadakan teknik yang kemaskini bagi memperbaiki sistem ini supaya ramai dapat diberi khidmat yang lebih baik.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sistem pentadbiran tanah sekarang ini tidak begitu memuaskan. Oleh itu ikhtiar sedang dijalankan untuk memodenkan sistem ini dengan tujuan untuk mengatasi segala kesulitan yang dialami.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ialah:

- (1) Melatih pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah dalam pengurusan Pejabat Tanah secara moden. Latihan ini dijalankan oleh Bahagian Latihan di bawah jagaan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Kursus-kursus untuk Pegawai-pegawai Pentadbir, Pegawai-pegawai Kerani dan Pegawai-pegawai Petempatan telah di-

adakan di peringkat persekutuan (di INTAN) dan juga diperingkat negeri.

- (ii) Satu Bahagian yang dinamakan Bahagian Penyelarasan dan Kemajuan Pengurusan telah ditubuhkan untuk membuat lawatan-lawatan kajian dan seterusnya memperbaiki pentadbiran tanah dari segi organisasi, pengurusan, pelaksanaan dan daya pengeluaran Pejabat Tanah.

- (iii) Tindakan adalah diambil untuk mengekalkan seberapa yang boleh pegawai-pegawai yang berkhidmat di bidang pentadbiran tanah supaya tidak ditukarkan ke bidang-bidang yang lain untuk beberapa waktu.

- (iv) Tindakan sedang diambil untuk mengadakan perkhidmatan komputer dalam pentadbiran tanah. Sebenarnya Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang telah pun berjaya melaksanakan satu projek permulaan (pilot project) yang meliputi pentadbiran tanah di Negeri Pulau Pinang. Kementerian ini berharap sistem komputer yang telah diasaskan oleh Universiti itu di bawah Projek NIDAS itu dapat dilaksanakan oleh semua negeri kelak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan A. K. Aliuddin Pengiran Haji Mohd. Tahir.

**Tuan Thomas Salang Siden:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Julau.

#### SIARAN TV WARNA DI KOTA KINABALU

**7. Tuan Thomas Salang Siden** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa pihak RTM Kota Kinabalu tidak dibenarkan mengadakan Siaran TV warna untuk Rangkaian Ketiga, pada hal saluran tersebut boleh menayangkan film-film warna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan dalam Dewan ini pada masa-masa yang lampau pelaksanaan siaran

warna oleh RTM adalah mengikut peringkat-peringkat tertentu yang telah direncanakan. Dalam perancangan tersebut, soal mengenai pengendalian serta penyelenggaraan alat-alat siaran dalam studio telah juga diambil kira terutama kerana peralatan yang ada di Stesen RTM Kota Kinabalu itu telah terlalu lama dan akan diganti. Adalah tidak bijak digunakan menurut cara lain selain daripada tugas asalnya iaitu menyiarkan rancangan dalam hitam putih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

**Tuan Thomas Salang Siden:** Soalan yang ke 8.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Julau.

#### MAHKAMAH MAJISTRET ALOR STAR

8. **Tuan Thomas Salang Siden** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan, akibat daripada kuasa luas Mahkamah-mahkamah Majistret di Alor Star ditimbulk dengan bertimbun-timbun fail dengan tiada ada kakitangan yang cukup bagi mengawasi dan menghadapi fail-fail itu apakah tindakan beliau cadang mengambil untuk memperbetulkan kedudukan ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang banyaknya kes-kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen yang ditukarkan ke Mahkamah-mahkamah Majistret akibat daripada peluasan kuasa mahkamah tersebut.

Selain daripada itu pertambahan ini adalah juga disebabkan oleh kes-kes baru dalam mana pada masa yang lepas biasanya difailkan di Mahkamah Sesyen telah juga difailkan di Mahkamah Majistret.

Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah di Alor Star ialah dengan cara mengisi kesemua jawatan yang didapati kosong di Mahkamah-mahkamah melalui Operasi Isi Penuh. Selain daripada itu ikhtiar juga sedang dijalankan bagi meng-

wujudkan lebih banyak lagi jawatan baru bagi menambahkan bilangan kakitangan dan pegawai di semua Mahkamah Majistret di Semenanjung Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

**Tuan Peter Paul Dason:** Soalan kesembilan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya minta membetulkan tahun "1979" kepada "1978". Ini adalah kesilapan taip.

#### PENYIASATAN AKAUN EXPO 1978 PULAU PINANG

9. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada benar pihak BSN sekarang sedang menyasiat akaun-akaun EXPO 1978 Pulau Pinang; jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut dan sama ada sesiapa telah didakwa.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua Biro Siasatan Negara tidak ada membuat sebarang penyiasatan ataupun pemeriksaan ke atas akaun-akaun EXPO 1978 Pulau Pinang. Walau bagaimanapun Biro Siasatan Negara sedang menjalankan penyiasatan ke atas seorang individu berkaitan dengan tohmahan yang menyatakan beliau telah menerima wang komisyen bersabit dengan penyiaran iklan-iklan mengenai EXPO Pulau Pinang 1978 itu.

**Tuan Lim Cho Hock:** Bolehkah Kerajaan beri nama orang yang berkenaan.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah rahsia dan saya tidak bersedia memberi jawapan di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (f).

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 23 (2).

**Tuan Lim Cho Hock:** Saya hanya berkehendakkan nama sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (2) kalau Yang di-Pertua puashati itu bagi kepentingan orang ramai, dia boleh, dan tak menjawab itu tidak boleh dipersoalkan.

**Tuan P. Patto:** Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah siasatan atas individu itu bermula dan setakat manakah siasatan sekarang, sama ada sudah habis dan pihak BSN akan terus bertindak ataupun dalam peringkat akhir untuk menghabiskan penyiasatan itu?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan masih dijalankan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka menarik perhatian bukan Peraturan Mesyuarat 23 (2) tetapi 23 (4), dikelirukan oleh 23 (1) tadi.

**Tuan P. Patto:** Saya ada minta tentang bilakah siasatan itu bermula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala hendak notis, jawablah berkehendakkan notis.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, itu berkehendakkan notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 10.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

### OPERASI ISI PENUH

**10. Tuan Chan Teck Chan (di bawah S.O. (24 (2)))** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada urusan untuk memenuhi lebih kurang 45,000 jawatan-jawatan kosong yang dijalankan sekarang oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan menimbang kriteria-kriteria seperti kelayakan, merit, pengalaman dan juga pengambilan tersebut akan mencerminkan komposisi berbilang bangsa masyarakat kita.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan tersebut telahpun diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari

Kuala Lumpur Bandar mengenai Operasi Isi Penuh pada 15hb Oktober, 1979 yang lepas. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

### MAKTAB LATIHAN PERGURUAN— KELULUSAN BAHASA MALAYSIA

**11. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kadar pengambilan rakyat Sabah untuk menjalani latihan guru adalah rendah kerana calon-calon tidak mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia yang minima, jika ya, sama ada beliau bercadang membenarkan rakyat-rakyat Sabah yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa Malaysia yang diperlukan diterima menjalani latihan perguruan dengan tempoh latihan yang dilanjutkan supaya lebih ketegesan untuk memperbaiki penguasaan dan taraf Bahasa Malaysia mereka.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar atas kekurangan calon-calon yang terdiri daripada rakyat Sabah mempunyai kelulusan dalam Bahasa Malaysia mengikut syarat minima yang ditetapkan bagi mengikuti Kursus Latihan Guru di Maktab-maktab Perguruan iaitu kepujian dalam Bahasa Malaysia termasuk lulus Ujian Lisan di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telahpun bersetuju melonggarkan syarat dalam Bahasa Malaysia ini bukan sahaja daripada pangkat kepujian kepada pangkat lulus di peringkat SPM bahkan dilonggarkan juga daripada pangkat kepujian di peringkat SPM kepada pangkat lulus di peringkat SRP atau yang setaraf dengannya dengan syarat mereka yang dipilih itu dikehendaki mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia serta lulus Ujian Lisan sekurang-sekurangnya di peringkat SRP dalam tempoh latihan dan apabila dilantik setelah tamat latihan dikehendaki mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia serta lulus Ujian Lisan di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun selepas dilantik.

## GAJI PEKERJA-PEKERJA SWASTA

**12. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan supaya pekerja-pekerja di dalam sektor persendirian dibayar gaji yang berpatutan sesuai dengan keadaan masa dan sama ada beliau akan menimbang membuat undang-undang gaji minima di negara ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, pekerja-pekerja di dalam Sektor Swasta adalah dibayar gaji yang memuaskan. Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa ada Syarikat-syarikat yang baru, di mana gaji yang dibayar adalah rendah, terutama sekali di mana kerja-kerja yang dijalankan itu tidak memerlukan kemahiran atau latihan khas.

Pegawai-pegawai dari Kementerian saya juga membuat lawatan-lawatan pemeriksaan kepada semua tempat-tempat perkerjaan untuk menentukan, antara lain, bahawa semua pekerja adalah dibayar gaji yang berpatutan, dengan mengambil kira berbagai-bagai faktor termasuk kos sara hidup sekarang.

Sukacita saya menyatakan juga, berikutan dengan lawatan-lawatan pemeriksaan ini, pada amnya pihak majikan telah mematuhi gesaan dan permintaan kita dengan memberikan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik kepada pekerja-pekerja mereka. Kementerian saya akan meneruskan usaha ini dan rancangan Kerajaan untuk memajukan perkembangan dan peruntukan lain-lain sektor ekonomi telah dapat membantu kita dalam perkara ini dengan cara yang lebih banyak. Walau bagaimanapun jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai maklumat mengenai tempat-tempat pekerjaan yang gaji pekerja-pekerjanya sangat tidak berpatutan, silalah kemukakan kepada Kementerian saya untuk tindakan sewajarnya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat berkata bahawa ada setengah di antra kilang-kilang yang mematuhi seruan-seruan daripada pihak Jabatan Buruh untuk membayar gaji yang memuaskan. Saya ingin

tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada setengah yang tidak mematuhi itu adalah kerana negara ini tidak mempunyai satu "Minimum Wage Legislation" dan oleh kerana tidak ada Legislation itu maka mereka tidak mahu mendengar nasihat ataupun mematuhi sebarang arahan daripada pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan ada setengah sahaja yang mematuhi arahan kita. Apa yang saya katakan pada amnya pihak majikan mematuhi arahan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu adakah disebabkan tidak ada Perundangan Gaji Minima. Kalau tidak ada sebab itu, cakaplah.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, soalan beliau ialah ada setengah majikan yang tidak mematuhi arahan atau gesaan kita dan kerana setengah tidak mematuhi, beliau hendak gaji minima. Saya tidak mengatakan bahawa ada setengah sahaja yang mematuhi arahan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi semua mematuhi?

**Datuk K. Pathmanaban:** Pada amnya semua mematuhi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau semua mematuhi, tidak adalah "setengah" (*Ketawa*).

**Tuan P. Patto:** Saya bertanya sama ada ketidak adanya "Minimum Wage Legislation" maka setengah yang tidak mematuhi itu oleh kerana tidak ada legislation.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak timbul gaji minima kerana pada amnya semua mematuhi.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan daripada mereka yang bekerja hari ini di pihak swasta menerima gaji-gaji yang telah mereka terima pada bulan-bulan itu dengan senang hati sekali dan jikalau kita hendak persoalkan sama ada gaji mereka itu rendah atau tinggi, saya percaya

kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP juga terutama mereka yang datang dari Ipoh akan kehilangan banyak sekali kerani-kerani yang bekerja dengan syarikat-syarikat guaman kerana mereka juga tidak membayar gaji yang tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan yang mengandungi fikiran ini dilarang oleh Peraturan Mesyuarat 23 (1) (c).

**Tuan Chan Teck Chan:** Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sedikit kekeliruan yang mengatakan pada amnya syarikat atau kilang-kilang adalah mematuhi syarat-syarat pekerjaan dan gaji yang memuaskan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah standard gaji yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sehingga mengakibatkan Kementerian Buruh merasa puashati dan ada mematuhi kehendak dan peraturan gaji sepertimana yang dikatakan dan juga bolehkah Yang Berhormat memberitahu jika sekiranya dalam lawatan Pegawai-pegawai Buruh ke kilang-kilang yang membayar gaji rendah maka biasanya apakah tindakan boleh diambil oleh pihak Kementerian Buruh untuk memaksa majikan membayar gaji yang berpatutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama tidak perlu dijawab. Yang Kedua itu boleh.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, memangnya kita tidak ada undang-undang untuk memaksa majikan membayar gaji yang tertentu melainkan majikan-majikan atau perusahaan-perusahaan itu terlibat dalam bidangkuasa Wages Council yang ada pada masa ini. Soal ini tidak timbul, kerana pada amnya nasihat kita didengari dan diikuti oleh majikan-majikan.

## PAGAR DI SEMPADAN

13. **Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hasil/kebaikan yang didapati sejak diadakan pagar di sepanjang sempadan Negeri Perlis/Kedah dengan Thailand dan sama ada pihak Kerajaan bercadang membina pagar seperti itu disepanjang sempadan Negeri Perak/Kelantan dengan Thailand.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, pagar yang dimaksudkan ini ialah pagar sepanjang lebih kurang 27 batu daripada Bukit Kuan Chu Padang Besar ke Bukit Tangga Kedah dan ini bermula pada tahun 1977, siapnya pada awal tahun 1979. Kalau ukurannya kita hendak ambil, apakah pagar ini berhasil atau tidak maksudnya, kita hanya boleh mengambil ukuran daripada dua nilai; satu daripada banyak cukai yang dapat kita kutip, yang keduanya daripada kekurangan jenayah yang terjadi di daerah yang terlibat. Tetapi inipun kita tidak boleh jadikan ukuran sekiranya kita tidak mengambil perhitungan bahawa pagar ini dibantu pula oleh Unit Pencegah Penyeludupan; ada orang mengatakan ini "Unit Combat". Kita ada 800 anggota Unit ini iaitu Unit yang mengandungi pegawai-pegawai daripada Kastam, Polis dan juga daripada Imigeresen. Jadi dengan adanya Unit ini, dengan adanya pagar ini kalau kita mengambil nilai hasil sahaja-cukai yang masuk, kalau dikira pada tahun 1976 di Changloon cukai yang diterima adalah \$708,249; pada bulan Ogos tahun 1979 sahaja sudah meningkat \$2,338,291. Kalau Padang Besar umpamanya pada tahun 1976 \$1.2 million, pada tahun 1978 melompat sampai 5.5 million. Begitu juga kalau kita soal dari segi jenayah kita dapati banyak angka ini turun sebab adanya pagar dan juga yunit pencegahan penyeludupan tadi.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Soalan tambahan. Selain dari magari sepanjang sempadan adakah Kementerian bercadang untuk membersihkan sempadan menjadi gondol supaya jelas kelihatan musuh-musuh negara masuk dan melarikan cukai?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Ini hanyalah jalan sahaja, satu cara. Maksud kita menjaga penyeludupan supaya dapat kita membenters penyeludupan dan juga menjaga supaya jangan pendatang haram masuk ke negara kita. Kalau sekiranya di satu-satu ketika dan pada satu-satu tempat kita membuat apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Batang Padang insya Allah kita akan laksanakan.

Tadi saya lupa menjawab soal mengapa kita tidak membuat di Perak umpamanya antara Perak dan Thailand. Yang sebenarnya Perak ini adalah hutan belantara di sempadannya dan tiada perkampungan sedikit pun dan di dalam hutan ini sudah penuh dengan anggota keselamatan kita yang menjaga sempadan. Jadi tidak payah kita rasa pada ketika ini membuat pagar kerana penyeludupan ini tidak mahu menggunakan hutan belantara yang begitu besar kerana ini adalah sangat sukar. Di sebelah Perak yang kita ada di Kroh umpamanya kita mengadakan yunit UPP tadi. Di sebelah Kelantan dekat dengan Pengkalan Kubur kita adakan yunit tetapi kita belum lagi pada waktu ini memikirkan kebijaksanaan apakah elok kita membuat pagar atau tidak.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke kawasan-kawasan yang ada di sempadan dengan negara asing itu yang mengumumkan bahawa Kerajaan mungkin akan mengadakan satu tindakan untuk memasang boby-trap dan mungkin juga akan menembak sesiapa yang menyeludup kerana pagar-pegar yang dipasang itu tidak berkesan. Jika Yang Berhormat sedar bilakah tindakan itu akan dijalankan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu, di daerah dan di tempat-tempat yang kita tidak dapat kawal. Di mana tempat yang kita boleh kawal dengan pagar memadai dengan pagar tetapi untuk menjaga keselamatan negara kita, kita akan menggunakan apa sahaja alat-alat untuk mencegah pendatang haram atau penjahat-penjahat.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, daripada penerangan Yang Berhormat Menteri 20 kilometers panjangnya telah dipagar. Jadi soalan saya adakah setelah dibuat pagar itu ada pencerobohan berlaku, maksud saya ada penceroboh yang menggunting kawat itu. Kedua Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi dia akan menggunakan apa cara, apa senjata juga

untuk mempertahankan perlindungan kita. Adakah pihak Kementerian bercadang hendak membuat pagar current?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan penceroboh ada. Ini sentiasa kita mengawasi dan dari segi soal apakah kita hendak meletakkan current atau tidak, ini hendaklah ditimbang dengan sewajarnya tetapi sekiranya keadaan itu memaksa kita mesti buat demikian insya Allah kita akan membuat.

#### **ENCIK ADNAN BIN ABDUL KADIR— ADUAN KEPADA BSN**

**14. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Biro Siasatan Negara telah menjalankan siasatan yang teliti dan lengkap aduan Encik Adnan bin Abdul Kadir yang dibuat kepada BSN Ipoh bahawa sebahagian calon-calon DAP ke Pilihanraya Umum tahun 1978 telah dibeli dengan wang yang banyak oleh pemimpin UMNO negeri Perak dan urusan ini telah dilaksanakan di rumah kediaman Menteri Besar Perak sehari selepas hari penamaan calon. (Sila lihat fail dengan rujukan No. BSN/PK/50437/Jld. 8); jika ada, nyatakan keputusannya dan jika tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Biro Siasatan Negara tidak ada menjalankan sebarang siasatan ke atas tohmahan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam pertanyaan ini oleh kerana setakat ini BSN tidak ada menerima apa-apa tohmahan yang sedemikian. Rujukan No. BSN/PK/50437/Jld. 8 adalah berkaitan dengan satu perkara lain yang tidak kena mengena dengan tohmahan tersebut itu.

**Tuan Lim Cho Hock:** Reference nombor itu berkaitan dengan perkara apa? Apakah perkara itu kita mahu tahu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab nombor rujukan ini tidak kena mengena dengan soal pertama ini.

**Tuan Lim Cho Hock:** Apakah perkara itu? Itu saya mahu tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain (*Ketawa*).

**Wan Mohamad Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri, mengikut soalan asal nampaknya calon DAP ini boleh dibeli dan mungkin wakilnya juga boleh dibeli kerana tidak mempunyai fahaman terhadap kepartian. Saya ingin bertanya adakah menjadi kesalahan kepada pihak UMNO sekiranya calon DAP itu dengan rela hati menarik diri dari dicalon kerana tiada confidence atau tiada kepercayaan kepada Parti DAP itu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab soalan itu.

#### PEMERINTAHAN KOMUNIS— PENENTANGAN UMAT ISLAM

**15. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dasar Kerajaan, Malaysia mengenai perjuangan Umat Islam menentang fahaman dan pemerintahan komunis di seluruh dunia, terutama di Afghanistan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum memang dasar negara kita sentiasa memperjuangkan perpaduan, keutuhan Islam supaya ianya sentiasa kekal dan kuat di negara kita dan juga di negara-negara Islam sedunia. Atas asas inilah Malaysia menjadi salah sebuah negara pelupur pertubuhan Persidangan Islam sedunia. Melalui Persidangan Negara Islam, kita memperjuangkan soal-soal kerohanian bagi mengukuhkan kedudukan Umat Islam di samping memperjuangkan soal-soal pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi Umat Islam. Inilah merupakan benteng bagi kekuatan Islam sendiri juga menjadi perisai bagi menentang

musuh-musuh Islam. Seterusnya soal menentang musuh-musuh Islam di dalam negeri adalah menjadi tanggungjawab masing-masing kerana soal dalam negeri adalah menjadi hak mutlak negara masing-masing sebagai prinsip asas hubungan antarabangsa. Oleh itu, apa yang berlaku di Afghanistan dewasa ini merupakan hal ehwal negara itu sendiri.

#### SIJIL BERANAK

**16. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri menyatakan mengapa mereka yang lahir di Sabah tetapi Sijil Beranak mereka tidak mengandungi sebarang nama dan kemudian telah berkahwin dengan rakyat Sabah tidak diberi kerakyatan dan bilangan rakyat Sabah yang mempunyai Sijil Beranak yang tidak mengandungi nama mereka dan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menolong mereka.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soal ini oleh kerana kelam-kebut sedikit biarlah saya cuba menganalisa soalan ini baharulah saya jawab. Ini berupa bahawa ada seorang manusia di Sabah dia mempunyai kad pengenalan merah, mempunyai Sijil Beranak. Tetapi dalam Sijil Beranak tidak ada nama. Dia pegang Sijil Beranak dalam poket tetapi tiada nama. Dia berkahwin dengan seorang warganegara Malaysia di Sabah.

Soalan Yang Berhormat itu nampaknya, kalau salah tolong betulkan, bertanya mengapa orang yang kahwin dengan warganegara Malaysia itu tadi tetapi dia tidak mempunyai nama dalam Sijil Beranak, mengapa dia tidak boleh dijadikan warganegara. Jadi sekarang ada dua. Kalau itu maksudnya, di Sabah itu keadaannya iaitu banyak orang yang mempunyai Sijil Beranak yang dikatakan dia yang punya tetapi bukan nama dia di dalamnya tetapi kosong dan sehingga dia dapat menentukan apakah dia yang mempunyai Sijil Beranak itu maka tertangguhlah pada dia untuk menentukan kewarganegaraannya. Dengan hanya berkahwin dengan warganegara Malaysia itu tidak memberi hak kepada dia untuk mendapatkan kerakyatan.

Soal yang kedua apakah cara kita boleh membantu soal ini. Undang-undang mengatangkan bahawa mereka ini mesti memberi nama, memasukan namanya ke dalam register dalam tempoh 11 tahun. Maka dalam tempoh 11 tahun tidak dilakukan jadi tidaklah berkuasa pihak Kerajaan untuk menerima dakwaan dia bahawa dia itulah yang mempunyai Surat Beranak itu. Jadi terpaksa dia kalau hendak meminta, memohon menjadi warganegara mengikut saluran biasa.

### TARIAN SINGA DI SARAWAK— PENGHARGAAN

**17. Tuan P. Patto** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan melonggarkan pengharaman yang dikenakan ke atas perarakan tarian singa di Kuching kerana pengharaman ini merupakan penafian hak-hak kebudayaan rakyat keturunan China dan inilah kali pertama pengharaman dikenakan ke atas perarakan tarian singa di Sarawak yang telah menimbulkan ketegangan perkauman di negeri tersebut.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, banyak kekeliruan soal tarian singa ini. Sudah mengaum beberapa kali. Yang sebenarnya tidak ada pengharaman berkenaan dengan tarian singa. Apa yang dilarang ialah perarakan, ini bukan hanya perarakan tarian singa tetapi semua perarakan. Dan perarakan tarian ini telah diharamkan mulai daripada 4hb Februari, 1971 lagi. Jadi bukannya ini pertama kali yang terjadi di negeri Sarawak.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Kalaulah tarian singa diadakan di atas lori adakah kebenaran akan diberikan oleh pihak polis apabila satu permohonan dikemukakan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lori bergerak atau . . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** Lori bergerak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bergerak.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, ini soal berarak, berjalan ramai-ramai. Itu yang menjadi

kesulitan kepada mereka yang menjaga ketenteraman awam. Kalau hanya hendak menari atas lori itu tidak ada hal, buatlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 18.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang ialah atau nama Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

### KEMALANGAN JALANRAYA DI SITIAWAN

**18. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bilangan kejadian kemalangan jalanraya di sepanjang Jalan Raja Omar, Sitiawan (daripada sambungan Simpang Empat, Sitiawan ke Kampong Koh, Sitiawan) di Daerah Dindings dan berapakah kejadian-kejadian kemalangan jalanraya ini telah membawa maut dan berikan angka pecahan mengikut bulan semenjak 1hb Januari, 1979 dan sama ada J.K.R. di Daerah Dindings telah merekomendasikan bagi membesarkan Jalan Raja Omar, Sitiawan dan/atau mengemukakan untuk membubuh batu kerikil di Jalan daripada Simpang Dua, Sitiawan melalui Kampung Selamat, Sitiawan di daerah Dindings untuk mengurangkan kesesakan kenderaan di Jalan Raja Omar, Sitiawan (di antara sambungan Simpang Empat, Sitiawan dan Kampung Koh, Sitiawan) di Daerah Dindings yang ada sepuluh (10) sekolah depan Jalan Raja Omar, jika demikian bila dan jika tidak nyata sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar, mengikut perangkaan kemalangan jalanraya yang diperolehi dari pihak polis, angka kemalangan yang terdapat

di sepanjang Jalan Raja Omar Sitiawan bagi bulan Januari hingga bulan September, 1979 adalah seperti berikut:

Bulan	Angka kemalangan
Januari ... ..	5
Februari ... ..	3
Mac ... ..	3
April ... ..	4
Mei ... ..	1
Jun ... ..	1
Julai ... ..	1
Ogos ... ..	2
September ... ..	3
Jumlah ... ..	23

Dari jumlah kemalangan-kemalangan yang terlibat di atas tiga darinya adalah kemalangan yang melibatkan kematian. Saya telah dimaklumkan oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam bahawa peruntukan bagi memperbaiki serta melebarkan Jalan Raja Omar ini telah diluluskan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga. Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sedang membuat kerja rekabentuk dan tawaran tender akan dikeluarkan dalam tahun 1980. Berhubung dengan jalan dari Simpang Dua ke Simpang Empat melalui Kampung Selamat, kerja-kerja mengetar akan dimulakan tidak lama lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa soal jawab selesai.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan

Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (*Hari Keenambelas*)

#### Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

*Maksud B. 65 (Jadual)—*

*Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan 1980)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk menjawab bagi Kementerianya, sebagaimana yang saya telah umumkan semalam, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Semerah akan menyambung ucapannya diikuti oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, Batang Lupar dan Julau.

Saya jemput sekarang Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

3.35 ptg.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah):** Tuan Pengerusi, menyentuh P. 56, Butiran 96—Bekalan Air Luar Bandar, mukasurat 532, Kerajaan sedia maklum bahawa keadaan pertambahan penduduk-penduduk adalah sentiasa meningkat, dari setahun ke setahun. Sebarang unsur itu tidak boleh hidup tanpa air.

Alhamdulillah, di negara kita punca air adalah banyak dan mudah didapati hanya usaha-usaha mendirikan loji-loji ini kurang diberi perhatian kerana hendak menunggu pinjaman Bank Dunia . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini Butiran mana, Yang Berhormat?

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** P. 56, Butiran 96.

**Tuan Pengerusi:** Baik, teruskan.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Kerana hendak menunggu pinjaman Bank Dunia ataupun consultant antarabangsa dan lain-lain . . . . .

**Tuan Pengerusi:** P. 56? Ini Kementerian mana, Itu P. 65.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** P. 65.

**Tuan Pengerusi:** Ya, jangan terbalikkan angkanya.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Maaf.

**Tuan Pengerusi:** Butiran berapa?

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Projek 96—Bekalan air luar bandar.

**Tuan Pengerusi:** Itu Pembangunan. Terus-kan.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Maka sementara itu saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang bertanggungjawab untuk membekalkan air ke kawasan luar bandar terutama di kawasan Parlimen Semerah yang dua tiga hari sekali menjerit di dalam akhbar memohon belas ihsan mendapatkan air supaya usaha sementara dijalankan bagi mengatasi perkara ini iaitu dengan menyediakan tangki-tangki air tangki-minyak PETRONAS. Tidak seperti yang dijalankan pada hari ini dua tiga hari sekali barulah dihantar bekalan air. Dan oleh sebab berebut-rebut hendak mendapatkan bekalan air itu, kadang-kadang timbul pergaduhan. Bagi Umat Islam adakalanya mandi itu wajib dan ini adalah salah satu daripada tanggungjawab yang wajib diberi perhatian yang serius. Saya harap pihak JKR akan membuat kajian, menyiasat dan menyediakan rancangan dan program yang lengkap, teratur dan sistemetik bagi kemudahan-kemudahan bekalan air di luar bandar di seluruh negara. Tidakkah seperti hari ini dibuat sana sedikit, dibuat sini sedikit. Kawasan sebelah depan yang berhampiran dengan jalan yang terlebih dahulu memohon bekalan air pihak JKR memasukkan paip dari kawasan sebelah belakang dan batang paip yang digunakan adalah terlalu kecil. Bila ditanya kenapa air tidak boleh sampai ke kawasan itu, jawabnya tidak ada compression, pressure atau 1,001 alasan yang lain.

Sebuah kampung adalah panjang 4-5 batu dari itu main pipenya hendaklah sekurang-kurangnya 6 inci atau 8 inci diameter bukan lagi 4 inci.

Tuan Pengerusi, menyentuh Maksud P. 65, Butiran 16, mukasurat 528—Rancangan Kawasan Pusat Memperbaiki Lalu Lintas.

Kalau kita turun dari Parlimen ke bandar nescaya kita akan terbaca di sebuah sign-board jumlah kematian pengguna jalanraya bagi tahun ini di Kuala Lumpur sahaja 155 orang. Selain daripada ajal, kecuaiannya pemandu, sistem lalu lintas dan jalanraya juga salah satu daripada faktor yang boleh mengorbankan nyawa.

Sebatang jalanraya yang tidak kurang sibuknya ialah Jalan Ampang lebih-lebih lagi bila ada lumba kuda. Jalan ini agak luas tetapi mengikut line putih yang disediakan hanya sebuah kereta hendaklah bertunda di belakang sebuah kereta yang lain kecuali di hadapan Ampang Shopping Complex terdapat dua lane. Mana-mana pemandu yang agresif terus potong-memotong dan juga dulu mendahului tanpa memikirkan keselamatan orang lain. Dari itu saya kira adalah lebih baik sekiranya jalan ini diperbesarkan kadar dua kaki lagi di kiri dan di kanan serta dibahagi dua betul-betul. Kemudian dijadikan empat lane, dua jalan pergi dan dua hala balik dan dapatlah penggunaan jalanraya mematuhi dengan betul.

Kalau kita hendak ke Parlimen pula, di tengah-tengah jalan ada terdiri sebatang tiang agaknya bekas traffic light dan ini juga adalah mengganggu lalu lintas kepada setiap orang yang hendak deras. Sekiranya tiada apa-apa gunanya lagi, tolonglah buang dan ratakan jalan itu untuk keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna jalanraya dan mengelakkan kemalangan.

Tuan Pengerusi, menyentuh Maksud P. 65, Butiran 181—Rumah-rumah Pekerja. Rumah-rumah pekerja biasanya untuk buruh kasar adalah didirikan rumah kelas sebelas. Saya tengok apa yang dibuat oleh penjajah dahulu dikekalkan sehingga ke hari ini tanpa perubahan. Berek-berek ini adalah terlalu kecil dan sangat tidak selesa, lebih-lebih lagi mereka yang bergaji rendah inilah yang biasanya mempunyai ramai anak. Maka

saya berharap dengan bertambah lumayan dan mantapnya ekonomi negara Jabatan Kerjaraya akan menimbangkan untuk membesarkan sedikit rumah-rumah untuk pekerja ini janganlah terlalu sempit kerana biasanya bahan-bahan binaan yang digunakan untuk rumah-rumah mereka adalah menggunakan bahan-bahan murah dan menggunakan batu-batu blok sahaja.

Menyentuh P. 65, Butiran 160—Kemajuan Kuari. Saya merasa dukacita pada masa ini tanah-tanah merah yang dibekalkan untuk jalan-jalan kampung luar bandar hanyalah semata-mata tanah merah dan tidak mengandungi batu merah dan akan segera dihanyutkan air apabila sahaja tiba musim hujan. Saya berharap usaha-usaha mendapatkan batu merah yang baik hendaklah diikhtirakan supaya wang rakyat tidak terhakis seperti hujan menghakiskan tanah merah yang ada itu dan si pembekal menjadi kaya-raya manakala rakyat luar bandar terus menderita tidak dapat membawa keluar hasil tanaman mereka.

Tuan Pengerusi, menyentuh P. 65 Butiran 163, muka surat 537,—Bahagian kemajuan Worksyop Letrik. Di masa yang akan datang apakala pihak JKR mengeluarkan tender untuk pembinaan sekolah-sekolah dan semua sekolah-sekolah di luar bandar pada masa ini mempunyai makmal sains, alat pendidikan seperti TV, Radio dan lain-lainnya maka saya berharap wayar elektrik juga hendaklah disediakan sekali supaya tidak memberi kesulitan dan kelambatan membekalkannya di waktu yang lain pula. Dengan ini saya menyokong peruntukan yang dipohon.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Dungun.

3.44 ptg.

**Tuan Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Pengerusi saya ingin bercakap berkaitan dengan Maksud B. 65, Kementerian ini pada Butiran 1100, Aktiviti (2) Rekabentuk dan penyelenggaraan Jalan-jalan Raya, Jambatan-jambatan dan Padang-padang Terbang, di mukasurat 521.

Tuan Pengerusi, aktiviti yang diberi peruntukan dengan wang sejumlah \$49,601,400 termasuk emolument dan lain-lain perbelanjaan adalah bertanggungjawab dalam hal kajian, infrastruktur, rekabentuk, pembinaan

dan penyelenggaraan jalanraya-jalanraya Persekutuan, jambatan-jambatan dan lapangan-terbang di seluruh Semenanjung Malaysia ini.

Saya kurang pasti, Tuan Pengerusi, apakah jumlah peruntukan yang dipohon itu mencukupi khususnya apabila melihat kepada bilangan batu jalan-jalan Persekutuan yang hendak diselenggarakan oleh Kementerian ini berjumlah 3,669,417 batu. Lebih-lebih lagi dalam keadaan seperti sekarang ini di mana banyak jalan rosak selepas dilanda banjir. Umpamanya apa yang saya perhati sepanjang jalan dari Kuala Trengganu ke Kuala Lumpur banyak jalan-jalan pecah dan berlokap-lopak khususnya di antara Kemaman/Kuantan dan Temerloh/Mentakab. Saya percaya kerosakan yang sama berlaku juga pada jalan-jalan di tempat-tempat yang dilanda banjir misalnya di Kelantan, Johor dan lain-lain.

Sepanjang pengamatan saya setiap kali bah, setiap kali pula jalan-jalan kita berubah. Semasa berlaku banjir beberapa batang jalanraya terpaksa ditutup kepada lalu lintas. Jalanraya-jalanraya yang terpaksa ditutup ini ada sememangnya terletak di tempat-tempat rendah secara semula jadi dan boleh dinaiki air pada bila-bila masa sahaja dan ada pula jalan-jalan di tempat yang sederhana tetapi apabila tanah-tanah di sekitarnya ditambun untuk projek-projek perumahan dengan tidak diadakan parit-parit yang mencukupi bagi aliran air ke sungai maka berlaku juga penutupan jalan apabila dinaiki air. Untuk mengatasi perkara ini, saya mengesyorkan supaya Kementerian mengadakan parit-parit yang cukup di sepanjang jalan-jalan rendah.

Tuan Pengerusi, saya telah katakan tadi selepas banjir banyak jalan-jalan rosak dan jalan rosak ini bukan sahaja jalan-jalan yang ditenggelami air tetapi juga jalan-jalan yang dilintasi air. Jalan-jalan yang dilintasi air ini rosak mungkin pertama, kualiti minyak tar yang digunakan dari mutu rendah. Yang kedua, adunan minyak tar, batu dan pasir tidak berapa mengikut peraturannya yang betul. Dan bagi mengatasi perkara ini, saya berharap supaya Kementerian dapat memastikan segala minyak tar yang hendak digunakan itu dari jenis yang baik dan mengawasi segala kerja-kerja menyelenggara termasuk mengadun itu supaya mengikut peraturannya yang betul. Dan akhirnya, semasa membaiki jalan-jalan yang rosak ini

ada tertampan dengan batu-batu kuari, halus, sederhana dan kasar. Batu-batu kuari inipun kadang-kadang boleh memberi kemerbahayaan kepada kenderaan-kenderaan terutamanya semasa kenderaan-kenderaan ini berselisih. Semasa kenderaan-kenderaan berselisih boleh berlaku loncatan batu-batu kuari ini dan boleh menyebabkan pecah cermin dan memungkinkannya juga membawa kepada kecederaan kepada pemandu-pemandu dan orang-orang yang ada di dalam kenderaan itu. Oleh hal yang demikian, saya juga berharap agar pengawasan yang lebih rapi lagi dibuat untuk mengatasi masalah-masalah yang saya sebut-tadi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.48 ptg.

**Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya bangun juga menyokong Maksud B. 65 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dengan wang peruntukan berjumlah \$931,459,240 yang mana di mukasurat 529 negeri Sarawak diperuntukkan sebanyak \$54,316,830 untuk Pembinaan Jalan-jalanraya Baru. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahmiah kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kepada Kerajaan Negeri kerana dapat menyalurkan wang dengan begitu rupa, oleh sebab masa yang singkat ini maka di sini saya ingin bercakap dengan ringkas.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan P. 65, Butiran 40—Pembinaan Jalan-jalan Raya Baru negeri Sarawak. Walaupun Kerajaan Negeri ada seorang Menteri yang bertanggungjawab akan tetapi oleh sebab wang yang dikirimkan kepada Kerajaan Negeri sangat lambat maka perlulah saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya peruntukan yang sudah disediakan kepada Kerajaan negeri perlulah dikirimkan selepas sahaja Dewan Negara bersidang dalam bulan Januari supaya tiap-tiap projek pembangunan jalanraya yang sudah dimasukkan dalam program tahun 1977, 1978 dan 1979 dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa masih banyak lagi pelan jalan-jalan baharu yang sudah ada dalam program itu tidak dapat dilaksanakan di negeri Sarawak, ini mungkin disebabkan kekurangan pegawai-

pegawai teknikal di Pejabat Kerjaraya ataupun tidak mencukupi equipment seperti tractor, bulldozer dan sebagainya di Pejabat JKR. Oleh hal yang demikian, saya fikir Kerajaan perlu menambah pegawai-pegawai di Pejabat JKR dan seterusnya memberi lebih banyak lagi alat-alat moden supaya dapat mempercepatkan pembinaan jalanraya-jalanraya baru di negeri Sarawak.

Selain daripada itu saya fikir tiap-tiap jalan baru di negeri Sarawak perlulah dipinda. Saya menyokong penuh atas ucapan Ahli Yang Berhormat yang bercakap semalam yang meminta pembinaan jalan baru di seluruh negara perlulah dipinda dan di sini juga saya menyokong supaya tiap-tiap jalanraya baru yang diminta oleh rakyat negara kita ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Pengerusi, saya sudah beberapa kali juga bercakap dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi pandangan kepada Kementerian yang berkenaan supaya jalan-jalan, termasuk juga jalan kecil di negeri Sarawak diperbesarkan dan seterusnya kepada luar bandar, akan tetapi jawapan dari Kementerian itu tidak memuaskan. Oleh yang demikian, saya masih lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya pihak Kementerian Kerjaraya Persekutuan dan Kementerian Kerjaraya peringkat Negeri dapat berhubung rapat dan bekerjasama antara satu sama lain supaya projek-projek di bandar dan di kawasan luar bandar dapat diedarkan dengan seimbang.

Saya masih ingat, Tuan Pengerusi, sebelum Parti Kebangsaan Sarawak menjadi komponen Parti Barisan Nasional maka banyak jalan-jalan kecil yang memasuki ke kampung-kampung dan ke rumah panjang selalunya dibiarkan inilah yang menjadi masalah dan orang ramai masih ingat. Akan tetapi selama 3 tahun yang lalu sudah banyak jalan kecil memasukki ke kampung-kampung dan ke rumah panjang. Di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan. Saya yakin bahawa tahun-tahun yang akan datang juga Yang Berhormat Menteri Kewangan agar dapat menyalurkan lebih banyak lagi peruntukan kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, Butiran 42—Penyiasatan Jalan Baru. Saya difahamkan bahawa di kawasan asal saya, iaitu Batang Batu Lintang, Ulu Simanggang, permohonan untuk membina jalanraya itu sudah hampir 15 tahun dan sehingga kini belum lagi dapat dirancang, jauhnya kira-kira 10 batu sahaja. Saya berharap bahawa jalanraya di kawasan itu perlu disiasat dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, menyentuh P. 65, Butiran 106, muka surat 533—Rancangan-rancangan Bekalan Air Sarawak. Saya difahamkan bahawa di kawasan saya Batang Lupar, Bahagian Kedua Simanggang selalu bekalan air itu ditutup, tidak kurang dua kali pada tiap-tiap hari, air paip itu ditutup bukan musim kemarau bahkan musim hujan juga ditutup. Saya berpendapat penduduk-penduduk di kawasan tersebut makin setahun makin bertambah, oleh yang demikian saya fikir rancangan bekalan air di kawasan tersebut perlulah diperbesar. Ini sudah pasti bahawa bekalan air yang ada sekarang tidak mencukupi kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Saya berharap bahawa Kementerian yang bertanggungjawab itu agar dapat menyiasat dengan seberapa ringkas supaya kekurangan bekalan air itu di kawasan tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga bekalan air di kawasan luar bandar. Saya dapati di kawasan saya masih banyak lagi rakyat di kawasan luar bandar memerlukan air paip yang diambil dari sungai-sungai dan kepada rakyat yang tinggal di pinggir laut juga memerlukan tangki air supaya bila musim kemarau Jabatan Kerjaraya agar dapat menghantar air kepada mereka. Namun demikian saya fikir bahawa peruntukan rancangan paip kepada kawasan luar bandar perlu juga digalakkan dan peruntukan untuk membeli tangki air juga perlu ditambah. Saya berharap bahawa Kementerian ini agar dapat mengambil perhatian dan dapat menyumbangkan lebih banyak lagi peruntukan kepada negeri Sarawak.

Saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang akhir, Ahli Yang Berhormat dari Julau.

3.54 ptg.

**Tuan Thomas Salang Siden (Julau):** Terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana menimbangkan permintaan saya.

**Tuan Pengerusi:** Tak apa, rugi waktu sahaja. Teruskan sahaja.

**Tuan Thomas Salang Siden:** Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk mengambil bahagian berucap sepatah dua kata berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-Awam di bawah Maksud P. 65, Aktiviti 40, muka surat 529—Pembinaan Jalan-jalanraya Baru.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam di atas perlantikan beliau. Saya ingin menarik perhatian beliau bahawa kerja-kerja membina jalanraya di Sarawak tidak memuaskan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga. Peruntukan sebanyak \$25,686,930 bagi tahun ini tidak mencukupi sama sekali. Penduduk-penduduk di luar bandar di Sarawak telah menderita begitu lama kerana mereka terpaksa berjalan kaki berbatu-batu membawa hasil tanaman mereka untuk dijual di pekan-pekan yang terdekat sekali.

Tuan Pengerusi, dengan wang yang diperuntukkan kepada Kementerian ini bagi tahun 1980 kami berharap walaupun peruntukan itu tidak mencukupi tetapi kerja-kerja membina jalan-jalanraya yang baru haruslah dapat dijalankan dengan baik dan teratur. Projek-projek pembinaan jalanraya mestilah diutamakan dan dipercepatkan oleh Jabatan Kerjaraya Sarawak. Jabatan Kerjaraya peruntukan belanjawan bagi tahun 1980 dari Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam haruslah recruit lebih ramai lagi jurutera-jurutera dan tenaga manusia yang lain, tambahan pula lebih banyak lagi alat-alat kejenteraan haruslah dibeli supaya projek-projek pembinaan jalanraya tidak akan tergendala apabila bahagian-bahagian alat kejenteraan itu rosak atau telahpun usang.

Tuan Pengerusi, dalam Bahagian Keenam Sarikei, Sarawak terdapat hanya sedikit sahaja unit-unit struktur untuk membaiki

jalaraya yang sepanjang berpuluh-puluh batu. Oleh yang demikian, kebanyakan cadangan untuk membina jalanraya telah pun terbengkalai begitu sahaja. Lebih pesat lagi pembinaan jalanraya di luar bandar dilaksanakan akan lebih mudah lagi perhubungan di luar bandar, ini akan memudahkan para pekebun dan para petani untuk menjual hasil tanaman mereka ke pekan-pekan. Pertumbuhan ekonomi negara kita juga akan bertambah dan meningkat.

Tuan Pengerusi, Aktiviti 41, muka surat 529 juga memperbaiki Lain-lain Jalan Besar. Belanjawan yang diperuntukkan berjumlah \$49,845,934. Saya berpendapat peruntukan tersebut adalah mencukupi jika digunakan dengan sebaik-baiknya. Dengan ini saya ingin menarik perhatian Jabatan Kerjaraya Sarawak bahawa keadaan jalanraya di Julau, Sibul dan Sarikei adalah buruk.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kalau Butiran 41 hanya \$11,709,260 sahaja.

**Tuan Thomas Salang Siden:** \$11 juta!

**Tuan Pengerusi:** Ya. Angka tadi untuk 5 tahun dari tahun 1976. Sila teruskan!

**Tuan Thomas Salang Siden:** Pada musim kemarau jalanraya tersebut berdebu-debu dan pada musim tengkujuh ia licin dan berlumpur serta sungguh merbahaya kepada para pengguna jalanraya. Dengan peruntukan Belanjawan tersebut saya mengesyorkan Jabatan Kerjaraya meratakan bahagian-bahagian jalanraya, sekurang-kurangnya dari Julau ke simpang Jalanraya Kuching-Durin. Dua buah jambatan kayu yang terletak di kawasan tersebut haruslah digantikan dengan jambatan-jambatan simen kerana kedua-dua jambatan tersebut telah usang dan sungguh membahayakan kenderaan-kenderaan yang lalu-lalang di situ. Jambatan-jambatan itu ialah jambatan Sungai Jikang dan Jambatan Sungai Bira.

Tuan Pengerusi, saya dengan sebulat hati menyokong perbelanjaan yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

**Tuan Pengerusi:** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.00 ptg.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Anggaran Belanjawan, 1980 Kementerian saya dan seterusnya mengemukakan teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang membina. Ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil perhatian yang berat terhadap aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan oleh Kementerian saya.

Kementerian saya sedar akan tanggungjawab kepada negara dan rakyat untuk mengadakan kemudahan-kemudahan dan meninggikan mutu pembangunan infrastruktur. Kementerian saya juga sedar bahawa dalam memikul tanggungjawab itu banyak masalah-masalah besar yang dihadapi oleh Kementerian dan Kementerian saya akan mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah itu.

Sukacita saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Bernormat bahawa Kementerian saya akan mengambil perhatian berat di atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Bagi menjawab teguran-teguran yang dibuatnya secara langsung oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, Jerai dan juga Yang Berhormat dari Pantj telah menyuarakan tentang kelambatan pihak JKR menjalankan projek.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang kelambatan melaksanakan projek-projek JKR khususnya peringkat daerah dan telah menyebut tentang banyak procedure terlibat untuk memproseskan satu-satu projek sebelum dapat dilaksanakan dan telah mencadangkan supaya procedure ini dipendekkan dengan memberi perwakilan kuasa kepada Jurutera Daerah untuk menentukan sendiri pemberian kontrak itu.

Kementerian saya sedar bahawa kelambatan yang dialami dalam menyempurnakan projek JKR adalah disebabkan oleh beberapa

masalah. Di antara masalah-masalah yang besar itu ialah berhubung dengan pengambilan balik tanah yang mengambil masa yang panjang, masalah pemborong-pemborong yang lambat menyiapkan projek-projek; dan masalah yang dihadapi yang terdapat di dalam organisasi JKR sendiri iaitu berhubung dengan masalah kakitangan.

Masalah masa yang diambil untuk memproses projek ini bukanlah satu masalah yang serius jika dibandingkan dengan masalah-masalah pengambilan balik tanah dan lain-lain masalah berhubung dengan pemborong-pemborong. Procedure Jabatan yang ditetapkan itu adalah mustahak dijalankan untuk memastikan peraturan-peraturan Jabatan tidak menyelewang dari Peraturan Kewangan.

Bagaimanapun Kementerian saya sedang meneliti peraturan-peraturan ini dan jika perlu akan dipendekkan peraturan-peraturan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Panti telah menyebutkan bahawa kelewatan melaksanakan projek adalah disebabkan urusan menender semula. Perkara ini memanglah diakui benar-benar. Memanglah yang sebaik-baiknya ialah untuk mengelakkan daripada satu-satu tender itu ditamatkan dan ditenderkan semula. Walau bagaimanapun memanggil semula tawaran terpaksa dilakukan oleh sebab pemborong yang asal mengambil masa yang terlalu lama ataupun gagal langsung untuk menyiapkan projek itu. Dan masa yang cukup dikehendaki untuk memproses panggilan semula tawaran. Kelambatan yang timbul oleh sebab proses ini adalah tidak dapat dielakkan sungguhpun segala usaha diambil untuk mempercepatkan proses-proses tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah membangkitkan tentang projek membina masjid di kawasannya yang masih belum dapat disiapkan. Saya akan meniasat perkara ini dan akan menentukan perkara ini tidak akan mengalami kelewatan yang berlarutan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas menimbulkan tentang kekurangan kakitangan di peringkat daerah. Pihak saya sedar tentang masalah kekurangan kakitangan ini. Walau bagaimanapun masalah ini bukan sahaja terdapat di negeri Perak tetapi dihadapi oleh

JKR di lain-lain negeri pun. Kementerian telahpun mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah itu.

Saya sukacita memaklumkan bahawa Kementerian saya telah mendapat kelulusan beberapa jawatan tambahan kakitangan baru-baru ini dan adalah diharapkan dengan selesainya Operasi Isi Penuh yang sedang dijalankan banyak jawatan-jawatan kosong akan dapat diisikan. Walau bagaimanapun ada beberapa jawatan professional yang sukar diisi kerana kekurangan calon. Kementerian saya bersama-sama dengan agensi-agensi pusat sedang berikhtiar untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan masalah kekurangan air di Lembah Kelang dan beliau ingin tahu apa-apa langkah-langkah Kementerian yang akan diambil untuk menentukan adanya bekalan air yang cukup selepas tahun 1983. Sukacita dimaklumkan bahawa sebenarnya bekalan air di sekitar Lembah Kelang akan mencukupi selepas tahun 1983 dengan adanya rancangan-rancangan jangka panjang dan jangka pendek yang telah dan sedang dijalankan. Rancangan-rancangan jangka pendek adalah meningkatkan keupayaan loji pembesaran air Sungai Langat dan rancangan pembinaan Ampangan Sungai Batu yang akan siap pada tahun 1984 yang akan menambahkan bekalan air sebanyak 25 juta gelen sehari. Langkah-langkah jangka panjang pula yang diambil ialah untuk menentukan bekalan air cukup bukan sahaja untuk lembah Kelang tetapi juga meliputi Semenanjung Malaysia. Satu kajian mengenai punca air yang menyeluruh akan dimulakan tidak berapa lama lagi.

Satu penyiasatan mengenai air di bawah tanah telahpun dijalankan di Perlis, Kedah dan Kelantan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan akan juga dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keempat meliputi lain-lain negeri juga. Oleh yang demikian keraguan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas akan dapat diatasi.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Panti pula tentang projek-projek bekalan air yang tidak memuaskan di kawasannya, saya akan mengarah supaya penyiasatan dibuat terhadap kemusykilan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai merayu supaya banyak lagi jalan dan jambatan dibina memandangkan pendapatan Kerajaan daripada pengguna-pengguna jalanraya adalah tinggi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat jalanraya di Semenanjung Malaysia di masa ini adalah memuaskan dan adalah tujuan Kerajaan untuk membina banyak lagi jalan-jalan dan jambatan-jambatan bagi tujuan pembangunan.

Sebelum melaksanakan projek-projek jalanraya ianya hendaklah dikaji dari segi faedah ekonomi dan sosial, bukannya daripada untuk mencari mata kewangan bagi pendapatan kepada Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Panti juga menyentuh tentang adanya beberapa batang jalan yang tidak diselenggarakan dengan sepatutnya. Kementerian saya sedar bahawa sistem penyelenggaraan jalan-jalan negeri yang ada pada waktu ini tidak begitu memuaskan Kementerian saya akan mengemukakan cadangan-cadangan supaya sistem ini dapat diperbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menggesa supaya jalanraya yang menghubungkan Kuala Kangsar/Gerik dan Lenggong, Lenggong dan Gerik dinaikkan ke taraf jalanraya persekutuan. Kementerian saya bercadang memasukkan cadangan ini bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah membangkitkan soal parit-parit tepi jalanraya di kawasanya tidak diselenggarakan dengan memuaskan oleh kerana alat jentera Pejabat JKR telah rosak. Kementerian saya akan mengarahkan pihak JKR yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya

Yang Berhormat dari Semerah juga telah menyebutkan tentang bekalan air di kawasan beliau yang berdekatan dengan Batu Pahat yang sedang diadakan satu rancangan bekalan air besar-besaran. Apa yang dikhendaki oleh Ahli Yang Berhormat ialah untuk mengadakan kemudahan buat sementara dan kemahuan ini sedang dijalankan oleh pihak JKR dengan menghantarkan air dengan cara menghantar tanker dan lori. Walau bagaimanapun, bolehlah dikaji sama ada jika terlampau lambat untuk menyiapkan projek itu mungkin tangki yang telah disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat seperti tangki minyak Petronas dapat diadakan bagi penduduk-penduduk di kawasan itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyuarakan kesibukan Jalan Ampang lebih-lebih lagi semasa ada pula perlumbaan kuda. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Jalan Ampang itu sedang diperluaskan dan di dalam proses pembinaan dan, insya Allah, selepas jalan itu sempurna dibina maka masalah ini dapat diringankan.

Masalah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu ada tiang di tengah jalan ke Parlimen ini, saya tidak dapat pastikan yang mana satu dan kalaulah Ahli Yang Berhormat ada masa dapatlah kita bersama-sama untuk melihat di manakah tiang itu.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyuarakan ketidakpuasan hati penduduk rumah Kerajaan lebih-lebih lagi berek-berek dan rumah-rumah kecil yang disediakan untuk pegawai-pegawai rendah. Yang sebenarnya, bagi makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kerajaan telah membuat kajian secara mendalam apakah yang boleh mencukupi kehendak bagi satu-satu family untuk pekerja-pekerja dan kakitangan Kerajaan dan dengan menyesuaikan kehendak-kehendak itu, bentuk rupa dan besar kecilnya baharu-lah bangunan-bangunan itu diadakan.

Dalam soal kuari pula ada tempat-tempat yang tanahnya ataupun batu yang tidak sesuai untuk dikuarikan maka dengan sendirinya tempat-tempat itu oleh kerana terlampau mahal sangat untuk dibawa batu daripada kawasan yang jauh, maka batu kuari-kuari itu tidaklah memuaskan. Walau bagaimanapun, dalam soal mengadakan batu-batu yang lebih sempurna untuk mengkamus jalan-jalan yang tidak bertar itu bergantung kepada sama ada pembinaan jalan itu untuk sementara ataupun untuk dikekalkan. Jika untuk sementara sebelum peringkat untuk ditarkan dapat dijalankan, maka mestilah jalan-jalan itu tidak begitu baik dan tidak banyak batu-batu kuari digunakan, kerana akan memakan belanja yang mahal.

Soal untuk mengadakan wiring atau bekalan elektrik kepada bangunan-bangunan sekolah itu bergantunglah kepada peruntukan yang diberi oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyuarakan masalah jalanraya. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana ada keraguan sama ada peruntukan

yang telah diberikan kepada Kementerian ini untuk mengadakan jalanraya sama ada cukup atau tidak. Sebenarnya sebelum dibuat atau dikemukakan peruntukan itu pihak JKR telah mengambil beberapa banyak faktor yang berkaitan sebelum dapat kita menentukan berapa banyakkah yang patut diminta ataupun dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Faktor-faktor yang diambil kira ialah pertamanya kemampuan Kerajaan untuk mengadakan berapa banyakkah jalan-jalan pada setiap tahun. Keduanya ialah sama ada kapasti ataupun keupayaan pihak Kementerian ataupun JKR sendiri untuk menyelenggarakan pembinaan itu. Ketiganya ialah kapasiti yang ada dalam negara kita ini sama ada dari segi kontraktor-kontraktor dan bekalan-bekalan yang dikehendaki.

Soal mutu yang rendah yang disyaki oleh pihak Ahli Yang Berhormat sama ada penyelenggaraan oleh pihak JKR untuk menentukan binaan itu mengikut mutu yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan, saya boleh beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, pihak pegawai JKR mengambil tanggungjawab yang cukup dan berat dan betul-betul mengawasi supaya apa yang ditentukan oleh pihak Kerajaan itu dapat daripada pihak kontraktor.

Dalam soal kemalangan mungkin berlaku kerana batu-batu, pecahan batu merosakkan kereta-kereta yang berjalan laju, pada pendapat saya adalah tanggungjawab pemandu-pemandu itu sendiri untuk berawas-awas berjalan di atas jalanraya yang penuh dengan batu seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Julau menyentuh tentang peruntukan jalan raya bagi negeri Sarawak. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri ternampak dalam peruntukan ini Sarawak telah diperuntukkan sebegitu banyak bagi mengadakan jalan raya. Adalah dalam makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga bahawa pihak Kerajaan dalam menentukan peruntukan bagi satu-satu negeri melihat pula sama ada keupayaan JKR dan juga faktor-faktor lain berada cukup di negeri-negeri itu sebelum kita dapat mengadakan peruntukan yang lebih banyak. Kalau dibandingkan dengan negeri lain, negeri Sarawak telah diberi begitu banyak peruntukan bagi mengadakan jalan raya dan juga jalan-jalan kecil di negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar juga menyuarakan atas kekurangan kaki-tangan dan jentera di JKR negeri Sarawak. Suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat atas jawapan saya kepada Dewan yang mulia ini pada hari semalam, langkah-langkah telah diambil oleh pihak JKR Negeri untuk mengatasi kekurangan kaki-tangan dan jentera-jentera bagi negeri Sarawak.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$146,409,900 untuk Maksud B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$785,049,340 untuk Maksud P. 65 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1980.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

*Maksud B. 66 (Jadual)*

*Maksud P. 66 (Anggaran Pembangunan, 1980)*

4.21 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Pengerusi, saya sekarang membentangkan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1980 untuk Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang berjumlah \$940,575,904 di bawah Kepala:

B. 66 ... ..	\$ 37,423,700
P. 66 ... ..	\$903,152,204

dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang.

Anggaran Belanjawan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang besar iaitu Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Belanjawan Pembangunan.

*Anggaran Belanja Mengurus*

(i) Pentadbiran Am (Ibu Pejabat)	\$ 1,779,485
(ii) Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia ... ..	30,206,660
(iii) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan ...	5,437,555
Jumlah ...	<u>\$37,423,700</u>

Tuan Pengerusi, suka saya menyatakan di sini bahawa jumlah peruntukan sebanyak \$37,423,700 yang dikehendaki bagi Belanjawan Mengurus tahun 1980 adalah melebihi sebanyak \$5,357,900 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi Belanjawan Mengurus tahun 1979. Ini adalah disebabkan oleh tambahan beberapa jawatan yang diwujudkan untuk tahun 1980 dan jua kenaikan barang-barang di Pasaran Dunia.

Sebab-sebab peruntukan ini perlu ditambah adalah dinyatakan dalam Kertas Perintah No. 24 yang telah diedarkan dan tidak payahlah saya menghuraikan lagi.

#### *Anggaran Belanjawan Pembangunan*

Ingin saya membentangkan balik Anggaran Belanjawan ini di bawah Kepala P. 66 yang jumlah sebanyak \$903,152,204. Peruntukan sebanyak \$903,152,204 ini akan dibelanjakan mengikut Pecahan-kepala seperti berikut:

#### *Pecahan-kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP)*

Sejumlah \$489,955,860 adalah diperlukan di bawah Pecahan-kepala ini untuk tahun 1980. Dari jumlah ini \$190,930,010 adalah pemberian secara langsung, manakala \$299,025,850 sebagai pinjaman. Daripada peruntukan secara langsung yang berjumlah saya sebut tadi, sebanyak \$115,541,000 akan digunakan untuk Belanja Mengurus, \$3,967,650 akan digunakan untuk Pembangunan \$42,943,000 untuk pembinaan jalan-jalan \$24,075,220 untuk Bekalan Air dan bakinya sebanyak \$4,403,140 pula untuk Kemudahan-kemudahan Sosial. Peruntukan pinjaman sebanyak \$299,025,850 akan digunakan untuk Projek-projek Pembangunan seperti Getah, Kelapa Sawit, Tebu, Coco, Kopi, Perkampungan, Rumah-rumah Pene-roka, Kemudahan-kemudahan memproses dan pinjaman kepada peneroka. FELDA akan memajukan seluas 111,102 ekar tanah dalam tahun 1980. Dari jumlah yang akan dimajukan itu, seluas 4,883 ekar ialah kawasan perkampungan.

#### *Pecahan-kepala 5—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Pecahan-kepala ini adalah sebanyak \$56,100,431 untuk tahun 1980. Dari jumlah ini \$32,786,882 adalah pemberian secara

langsung, manakala \$23,313,549 sebagai pinjaman FELCRA akan membuka seluas 21,856 ekar tanah yang meliputi 20 buah rancangan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dari jumlah ini 21,856 ekar tanah yang akan dibuka itu, seluas 13,156 ekar untuk tanaman getah, 7,700 ekar untuk tanaman kelapa sawit dan 1,000 ekar untuk tanaman padi. Seramai 2,660 orang peserta akan mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan tersebut dalam tahun 1980.

#### *Pecahan-kepala 10—Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)*

Di bawah Pecahan-kepala ini peruntukan sebanyak \$118,951,546 adalah dikehendaki bagi tahun 1980. Daripada jumlah ini \$78,167,084 adalah diberi secara langsung, manakala \$40,784,462 sebagai pinjaman. Dari peruntukan secara langsung sebanyak \$78,167,084 di atas tadi, \$9,500,000 akan diuntukkan kepada Belanja Mengurus, \$34,943,961 akan digunakan untuk kemudahan-kemudahan, \$861,178 akan digunakan bagi Projek-projek Pertanian, \$27,200,000 untuk pembinaan jalan-jalan dan \$5,661,945 bagi Bekalan Letrik. Dari Peruntukan Pinjaman sebanyak \$40,784,462, \$11,390,275 akan digunakan untuk pembangunan bandar-bandar baru, \$4,950,768 akan digunakan untuk mencari logam dan melombong dalam kawasan seluas 25,100 ekar, \$13,729,817 untuk Rancangan Perumahan dan \$10,713,602 untuk Bekalan Air.

#### *Pecahan-kepala 11—Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)*

Di bawah pecahan-kepala ini sebanyak \$39,796,000 adalah dikehendaki untuk tahun 1980. Daripada jumlah tersebut \$18,536,000 adalah pemberian secara langsung, manakala \$21,260,000 sebagai pinjaman. Daripada peruntukan pemberian secara langsung itu \$3,711,000 akan diuntukkan kepada Belanja Mengurus, \$13,674,000 akan digunakan bagi Pembinaan Jalan-jalan dan \$1,151,000 bagi Bekalan Letrik. Dari Peruntukan Pinjaman sebanyak \$21,260,000 itu, \$10,835,000 akan digunakan bagi Projek-projek Pembangunan, \$6,000,000 untuk Rancangan Rumah-rumah dan \$4,425,000 bagi Bekalan Air.

Luas kawasan yang telah dibuka dalam kawasan KEJORA sehingga ini berjumlah kira-kira 152,630 ekar. Dari jumlah tersebut seluas 128,066 ekar adalah untuk Projek Kelapa Sawit, 10,866 ekar untuk getah dan bakinya seluas 13,698 ekar untuk tanaman-tanaman lain seperti okid, buah-buahan, rempah-rempahan, koko, pokok pine dan ternakan.

*Pecahan-kepala 12—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (KETENGAH)*

Peruntukan sebanyak \$43,083,661 adalah diperlukan bagi tahun 1980. Dari jumlah ini \$17,624,904 adalah pemberian secara langsung, manakala \$25,458,757 sebagai pinjaman. Dari jumlah peruntukan secara langsung itu \$3,946,524 akan diuntukkan kepada Belanja Mengurus.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, \$3,946,524 atau \$3,946,542?

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Dari jumlah peruntukan secara langsung \$17,624,904 tadi, \$3,946,524 akan diuntukkan kepada Belanja Mengurus, \$10,684,450 untuk kemudahan-kemudahan Infrastruktur dan Sosial \$220,930 akan digunakan bagi Projek-projek mencarigali logam dan melombong, \$2,773,000 bagi Bekalan Elektrik. Dari Peruntukan Pinjaman pula \$6,552,547 ialah untuk kemudahan-kemudahan Sosial, \$14,714,210 untuk digunakan bagi projek-projek Pelaburan dan \$4,192,000 untuk Rancangan Perumahan.

KETENGAH adalah terlibat secara langsung di dalam berbagai-bagai kegiatan dan aktiviti pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan Trengganu Tengah. Dalam bidang kemudahan sosial, KETENGAH telah dan sedang memperhebatkan pembinaan lima buah bandar baru yang dikenali pada masa ini sebagai Durian Mas, Rasau Kerteh, Chench, Bukit Besi dan Ulu Chukai dan juga menempatkan kediaman serta perdagangan di samping mengadakan bekalan air dan elektrik. Sehingga akhir tahun 1979, seramai 6,110 orang penduduk akan mulai menetap di Bandar Baru Durian Mas, 3,793 orang di Bandar Baru Rasau Kerteh, 743 orang di Bandar Baru Chench, 1,900 orang di Bandar Baru Bukit Besi manakala 355 orang lagi di Bandar Baru Ulu Chukai.

Dalam bidang pertanian dan ekonomi pula, KETENGAH telah melaburkan sebanyak \$13.9 juta di dalam lima buah projek usaha-sama dengan pelabur-pelabur swasta dan juga agensi-agensi Kerajaan untuk memajukan projek-projek kelapa sawit dan kuari (pecah batu). Sehingga kini, sebanyak 24,000 ekar telahpun dimajukan oleh KETENGAH untuk projek kelapa sawit melalui pelaburan yang saya sebutkan tadi.

*Pecahan-kepala 13—Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Pecahan-kepala ini ialah sebanyak \$10,016,273 untuk tahun 1980. Jumlah tersebut adalah pemberian secara langsung. Darpada peruntukan pemberian secara langsung sebanyak \$10,016,237 tadi, \$2,278,273 akan diuntukkan kepada Belanja Mengurus. \$2,600,000 akan digunakan untuk Kemudahan-kemudahan Sosial, \$3,138,000 akan digunakan untuk Pembangunan Tanah dan \$2,000,000 akan digunakan bagi Pembinaan Jalan-jalan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan KESEDAR sebagai sebuah agensi pembangunan wilayah telah dipertanggungjawabkan untuk membangun kawasan Kelantan Selatan seluas kira-kira 2.9 juta ekar yang meliputi seluruh Jajahan Ulu Kelantan dan Kuala Krai serta sebahagian dari Jajahan Tanah Merah.

*Pecahan-kepala 14—Rancangan Tanam Semula Getah (RISDA)*

Peruntukan sebanyak \$89,260,000 di bawah Pecahan-kepala ini adalah dikehendaki untuk tahun 1980. Peruntukan ini adalah pemberian secara langsung dan akan digunakan untuk bayaran menanam semula/baru seluas 120,000 ekar termasuk tanam semula/baru kali pertama, tanam semula/baru kali kedua dan tanam baru berkelompok (perladangan) seluas 4,200 ekar.

Sehingga ini iaitu dalam bulan September, 1979, luas kawasan yang ditanam semula kali pertama, kali kedua dan yang ditanam baru ialah berjumlah 1,730,660 ekar. Darpada jumlah itu seluas 1,612,071 ekar adalah ditanam semula kali pertama dan kali kedua manakala 118,588 ekar adalah tanaman baru.

*Pecahan-kepala 15—Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan*

Peruntukan sebanyak \$8,628,000 adalah dikehendaki untuk tahun 1980. Peruntukan ini adalah pemberian secara langsung untuk digunakan bagi mengurus projek-projek memulihkan kawasan getah yang telah ditanam di seluruh rancangan-rancangan tanah Lembaga Kemajuan Tanah Negara Kelantan seluas 23,937 ekar, untuk mengadakan kemudahan pinjaman perumahan kepada peneroka-peneroka. Lebih kurang 4,000 peneroka-peneroka yang perlu dan layak diberi pinjaman perumahan yang tidak lebih daripada \$3,000 bagi tiap-tiap peneroka, dan pembinaan Jalan Ladang sejauh lebih kurang 621 batu dengan jumlah \$3,726,000. Pembinaan tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

*Pecahan-kepala 18—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak*

Peruntukan sebanyak \$37,384,300 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala ini untuk tahun 1980. Peruntukan ini adalah pemberian secara langsung dan akan digunakan untuk pembangunan projek-projek dalam bidang pertanian, termasuklah pembinaan 700 buah rumah peneroka, pembinaan kilang memproses kelapa sawit di Mukim Mukah dan juga di Mukim Niah.

*Pecahan-kepala 19—Penanaman Semula Getah Sarawak*

Peruntukan sebanyak \$2,099,000 di bawah Pecahan-kepala ini adalah dikehendaki untuk tahun 1980. Peruntukan ini adalah pemberian secara langsung yang akan digunakan untuk Projek-projek Penanaman Semula Getah dan Penanaman Getah Baru di Sarawak dalam tahun 1980.

*Pecahan-kepala 23—Penanaman Semula Getah Sabah*

Di bawah Pecahan-kepala ini sebanyak \$2,267,010 adalah dikehendaki untuk tahun 1980. Peruntukan ini adalah pemberian secara langsung juga yang akan digunakan untuk mengurus projek-projek Penanaman Semula Getah dan Tanaman Baru Getah di Sabah yang akan dilaksanakan dalam tahun hadapan.

*Pecahan-kepala 25—31 Jabatan Ukur—Semenanjung Malaysia*

Peruntukan sebanyak \$4,906,031 adalah diperlukan bagi tahun hadapan dan dibahagikan mengikut Pecahan-kepala Kepala dan dengan tujuan-tujuannya yang telah dinyatakan dalam Kertas Perintah No. 24—tidak payah saya huraikan lagi, Tuan Pengerusi.

*Pecahan-kepala 41—45 Jabatan Tanah dan Ukur Sabah*

Peruntukan berjumlah \$704,092 adalah diperlukan untuk tahun 1980 dan juga ada dinyatakan di bawah Pecahan-kepala Kepala tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Perintah No. 24.

Dengan ini, Tuan Pengerusi saya mohon izin supaya peruntukan di bawah Kepala Bekalan B. 66 sebanyak \$37,423,700 dan Pembangunan P. 66 sebanyak \$903,152,204 dalam Anggaran Belanjawan Persekutuan 1980 bagi Kementerian saya berjumlah \$940,575,904 diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

*4.41 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk berucap dengan ringkasnya atas Kepala B. 66 muka surat 543 Butiran 1100 Aktiviti No. (1)—Pentadbiran Am.

Menyentuh berkenaan Pentadbiran Am saya ingin merujuk kepada satu masalah yang telahpun disampaikan di Dewan ini iaitu urusniaga jual beli tanah yang tidak betul kendaliannya yang diuruskan oleh setengah-setengah pemaju.

Saya telah bercakap banyak kali di Dewan ini betapa perlunya pihak Kerajaan mengawal dan mengawasi penjualan tanah dengan tujuan untuk menentukan bahawa hak orang ramai tidak akan dibahayakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pernah menyatakan dalam Dewan ini pada tahun yang lalu bahawa Kerajaan telah membentuk satu Jawatankuasa mengandungi wakil-wakil daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah dan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji masalah ini dengan

tujuan untuk memperkenalkan undang-undang yang sesuai dan berkaitan bagi mengawal penjualan tanah.

Sungguhpun perkara ini sudah lebih dua tahun sejak pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Khas untuk menyelesaikan masalah penjualan tanah yang tidak betul dan tidak sempurna tetapi sehingga hari ini tidak ada tindakan positif yang telah diambil untuk memperkenalkan undang-undang yang sesuai untuk mengkaji dan mengatasi masalah itu. Dewan ini telah diberi tahu pada tahun lalu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa Kementerian berharap akan membentangkan satu pindaan ke atas Kanun Tanah Negara (National Land Code) berhubung perkara ini pada tahun ini tetapi sehingga hari ini kita belum melihat satu Rang Undang-undang seumpama itu.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada perkara dan masalah ini saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri betapa perlunya perkara ini disegerakan dan saya suka meminta beliau mengizinkan Dewan ini mengetahui sebenarnya kemajuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa dalam menggubal undang-undang yang berkaitan dalam bentuk satu pindaan kepada National Land Code untuk memperaturkan penjualan tanah dan urusan tanah yang lain termasuk hak memberhentikan semua jenis iklan yang berhubung dengan penjualan lot tanah jika iklan-iklan seumpama itu tidak mempunyai permit iklan. Saya menyeru pihak Kementerian dan Jawatankuasa khas supaya tidak melengah-lengahkan perkara ini tetapi harus memperkenalkan dengan segera undang-undang berkenaan bagi melindungi orang-orang miskin yang tidak mempunyai tanah, yang tidak mempunyai rumah daripada menjadi mangsa kepada pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Semasa perbahasan belanjawan untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya telah bercakap dengan panjang lebar dan memberikan contoh-contoh bagaimana orang ramai yang kurang memahami telah ditipu dan telah menjadi mangsa kepada pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab yang mengendalikan penjualan lot tanah untuk perumahan. Adalah menjadi harapan saya bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan bertindak demi

kepentingan orang ramai, khasnya orang ramai yang miskin dan mereka yang tidak berumah yang telah menjadi mangsa kepada pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab itu.

Satu lagi perkara yang penting yang ingin saya nyatakan di bawah Butiran yang sama ialah berhubung dengan hakmilik strata (strata titles) untuk semua flat-flat kediaman di dalam bandaraya dan lot-lot rumah kedai di dalam sebuah kompleks membeli belah. Dalam hubungan ini saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada pengaduan-pengaduan yang sering dibuat oleh orang ramai mengenai kelambatan pihak Pejabat Tanah yang berkenaan mengeluarkan surat hakmilik (strata titles) atau subsidiary titles kepada pemohon-pemohon dan juga kelambatan memproses permohonan yang berkaitan. Saya tidak bermaksud untuk membuat kenyataan umum tetapi daripada bukti-bukti yang saya ada dalam tangan saya boleh menunjukkan bahawa kelambatan itu berpunca di Pejabat dalam mengeluarkan strata titles. Tanpa memperolehi surat hakmilik strata ini ramai tuanpunya-tuanpunya flat kediaman merasa kurang terjamin berhubung dengan taraf ke atas harta benda atau flat-flat tersebut.

Tuan Pengerusi, beberapa tahun yang lalu Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pernah mengumumkan bahawa perediaan telah dibuat bagi membolehkan Pejabat-pejabat Tanah mengendali urusan berkaitan permohonan-permohonan daripada pemaju-pemaju dan tuanpunya-tuanpunya bangunan berbagi tingkat untuk surat hakmilik subsidiary di bawah National Land Code ke atas 11 permohonan yang diterima cuma 5 yang telah diluluskan dan 3 telah diberikan surat hakmilik. Tuanpunya-tuanpunya yang ada sekarang telah dinasihatkan membuat ketentuan bahawa pemaju-pemaju mereka yang mana mereka membeli flat-flat daripadanya membuat permohonan-permohonan. Saya suka dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan tentang apa yang telah dilakukan sehingga hari ini mengenai perkara yang telah saya sebutkan tadi. Oleh kerana bertambah kurang tanah untuk pembangunan terutama dalam bandar atau kawasan urban, jawapan terletak kepada pembina bangunan-bangunan berbagai tingkat dan flat-flat bagi memenuhi permintaan pemilikan rumah. Tetapi selagi pengeluaran

surat hakmilik strata tidak dipercepatkan boleh dianggap kemajuan kecil sahaja dicapai dalam bidang ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kemaman.

4.50 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 66, muka surat 547, Butiran 10—Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) Butiran 11 Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), mukasurat 548, Butiran 12—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (KETENGAH) dan Butiran 13—Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Izinkan saya, Tuan Pengerusi, untuk membincangkan keempat-empat butiran ini di bawah satu tajuk yang saya beri nama sebagai Pembangunan Wilayah (Regional Development).

Tuan Pengerusi, kalau kita perhatikan matlamat-matlamat sebagaimana yang terdapat dalam keempat-empat projek pembangunan wilayah ini, jelaslah menunjukkan kepada kita bahwa di satu hari nanti empat pusat pembangunan (growth centre) akan wujud. Tetapi satu perkara yang ingin saya menyatakan di sini bahawa kemajuan dan perkembangan yang berlaku di dalam empat kawasan ini boleh mempengaruhi ataupun memberi kesan kepada bandar-bandar ataupun pekan-pekan yang berada di kawasan sekitar.

Tuan Pengerusi, apa yang saya nampak hari ini, ada dua kesan besar yang mungkin berlaku terhadap bandar-bandar yang berada di sekitar empat kawasan pembangunan wilayah ini. Dua kesan yang saya maksudkan ini, Tuan Pengerusi, ialah:

- (1) kesan limpahan (spread effect)
- (2) kesan "backwash" (backwash effect).

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, kalau kita perhatian daripada Butiran 10—Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara; Butiran 11—Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dan lain-lain butiran-butiran itu ialah mengenai belanja mengurus, kemudahan-kemudahan, pelaburan, perumahan, jalan-jalan, bekalan air dan elektrik—serupa sahaja. Kalau boleh saya minta cepatkan

sedikit dalam soal dasar tentang spread over seperti itu dan terus tumpukan kepada perkara yang berkaitan dengan pembangunan dalam erti kata butiran-butiran yang tertentu tadi.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi saya ingin membicarakan segala projek yang ada dalam empat pembangunan wilayah ini sekali gus.

**Tuan Pengerusi:** Betullah, tetapi ikutilah sedikit butiran-butiran dari segi detail, ia ada pecahan-pecahannya di sana. Tumpukan di situ dan jangan lebihkan sangat kepada dasar.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Pengerusi, segala aktiviti-aktiviti dalam keempat-empat pembangunan wilayah ini boleh menimbulkan keadaan pembangunan, ini termasuklah kemudahan-kemudahan infrastruktur, pelaburan, perumahan, jalan, bekalan air dan elektrik. Jadi saya kumpulkan jadi satu pembangunan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau macam itu boleh.

**Tuan Ismail bin Said:** Itulah yang saya maksudkan tadi. Tuan Pengerusi, Jadi pembangunan yang berlaku di dalam keempat-empat kawasan pembangunan wilayah ini apa yang ingin saya menyatakan ada dua kesan besar sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, kesan limpahan ialah satu kesan yang positif di mana dengan adanya projek-projek pembangunan di dalam keempat-empat wilayah ini boleh mewujudkan projek-projek dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang berkaitan dengannya di bandar-bandar ataupun pekan-pekan yang ada di sekitar kawasan keempat-empat wilayah yang saya maksudkan tadi. Dengan lain perkataan, dengan adanya pembangunan di dalam keempat-empat wilayah ini maka pembangunan bandar-bandar dan pekan-pekan yang berhampiran dengannya akan juga berlaku melalui kesan limpahan tadi.

Sementara kesan back wash pula ialah satu kesan yang negatif di mana ia boleh menyebabkan pembangunan di bandar-bandar dan pekan-pekan yang berhampiran akan menjadi terbantut dan akhirnya akan mati pada suatu

hari nanti. Ini akan berlaku, Tuan Pengerusi, apabila segala sumber-sumber dan faktor-faktor yang sedia ada di dalam bandar-bandar tadi seperti modal dan tenaga manusia akan mengalir keempat-empat kawasan tadi. Tuan Pengerusi, kedua-dua kesan ini berlaku serentak. Dan jika sekiranya kesan limpahan ini lebih besar daripada kesan back wash maka saya rasa keempat-empat pembangunan wilayah ini akan dapat mewujudkan di mana satu pembangunan yang seimbang. Tetapi jika sekiranya kesan back wash lebih besar daripada kesan limpahan, maka keadaan sebaliknya berlaku.

Tuan Pengerusi, jika lihat jenis-jenis projek yang akan dijalankan di dalam keempat-empat kawasan ini adalah didapati bahawa mereka memerlukan pengaliran tenaga manusia yang banyak dan tenaga ini sebahagian besar akan datang daripada bandar-bandar ataupun pekan-pekan yang berhampiran. Padahal setengah daripada bandar-bandar dan pekan-pekan ini masih lagi belum situated dari segi pembangunannya. Bandar-bandar ini masih lagi belum sampai ke peringkat yang diberi nama "sustained growth" seperti bandar-bandar yang lain yang besar iaitu Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, apa yang saya bimbangkan bahawa dengan pengaliran tenaga manusia dan modal yang begitu banyak dari pekan-pekan ini akan menimbulkan keadaan di mana pekan-pekan yang berhampiran dengannya akan menjadi mati di suatu hari nanti. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian ini memikirkan perkara ini dengan serius dan saya juga mencadangkan supaya pihak Kementerian ini membuat satu kajian yang menyeluruh tentang kesan-kesan yang mungkin timbul sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya juga mencadangkan agar satu unit khas ditubuhkan bagi menjalankan tujuan ini. Itu jika sekiranya ia belum lagi ditubuhkan bagi membuat kajian-kajian yang mungkin timbul sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, unit ini bolehlah bekerja rapat dengan Unit Perancang Negeri bagi negeri-negeri di mana pembangunan wilayah ini terlibat. Perakuan-perakuan hendaklah dibuat dan tindakan hendaklah diambil berdasarkan kepada perakuan-perakuan ini untuk menyelamatkan keadaan.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong peruntukan bagi Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.59 ptg.

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini saya ingin menyentuh B. 66, Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, mukasurat 543 dan juga P. 66, Butiran 14—Rancangan Tanam Semula Getah (iii) Rancangan No. 3, mukasurat 549.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya mewakili kawasan yang sebahagian besar penduduknya bergantung kepada kehidupan getah, sukalah saya mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai, kakitangan Kementerian ini khasnya kepada pegawai-pegawai, dan kakitangan RISDA sama ada di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah-daerah yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi membaiki taraf hidup pekebun-pekebun kecil getah termasuklah kawasan saya.

Kementerian ini khasnya RISDA telah menjalankan berbagai-bagai usaha untuk meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil getah bukan sahaja dengan meninggikan lagi bantuan menanam semula getah sehingga kepada \$1,200 seekar akan tetapi berbagai projek lagi seperti baharu-baharu ini telah dilancarkan operasi pengeluaran dinamis projek-projek ladang kecil (mini estate), menubuhkan pusat pembangunan pekebun-pekebun kecil (PPK) dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan projek ladang kecil ini adalah satu perkara baharu kepada negara kita ini terutama sekali kepada penduduk-penduduk dalam kawasan saya. Oleh sebab perkara ini adalah satu perkara yang baharu di mana rakyat terlalu menaruh harapan supaya rancangan-rancangan ladang kecil ini menjadi satu projek sakti untuk mengubah nasib pekebun-pekebun kecil dan juga mungkin boleh mengubahkan kebun-kebun getah yang tidak mendatangkan keuntungan yang setimbal.

Baharu-baharu ini di kawasan saya iaitu di kampung yang berhampiran dengan pinggir Tasek Cenderoh dalam daerah kecil Lenggong, pihak RISDA telah melaksanakan projek ladang kecil ini lebih kurang 1,000 ekar luasnya. Projek yang sungguh menarik perhatian bukan sahaja kepada pekebun-pekebun kecil dengan harapan supaya kampung-kampung lain jika projek sulung ini berjaya adalah diharapkan projek kecil ini dapat ditubuhkan di merata-rata tempat juga.

Tuan Pengerusi, pada hari semalam iaitu Selasa, 4hb Disember, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak telah membuat lawatan ke kampung tersebut bagi meninjau projek ladang kecil kampung yang saya sebutkan tadi. Ini menggambarkan bagaimana harapan rakyat dan juga pemimpin, kakitangan dan orang ramai di daerah Perak supaya projek mini estate ia dapat diadakan atau dijayakan. Projek yang saya sebutkan di kampung tadi berharap supaya pihak Kementerian khasnya pegawai-pegawai RISDA bagi menumpukan sepenuh-penuhnya bagi menjayakan projek ini sama ada menambahkan lagi kakitangan di dalam kawasan projek ini atau lain-lain kemudahan kepada pihak-pihak yang menguruskan iaitu RISDA di tempat saya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan PPPK (Pusat Pembangunan Pekebun Kecil) ini, saya sungguh rasa bertuah oleh kerana projek ini banyak dibangunkan di kawasan saya. Dan dengan adanya projek ini bukan sahaja ahli-ahli dari PPPK ini dapat berbagai-bagai kemudahan seperti biasiswa, kelas TADIK, projek pemeliharaan kambing, ikan, kedai-kedai koperasi dan sebagainya akan tetapi kita telah berjaya mengubah sikap ahli-ahli PPPK khasnya dan penduduk tempatan menyakinkan rancangan-rancangan Kerajaan bagi membaiki taraf hidup pekebun-pekebun kecil terutama sekali di dalam kawasan saya.

Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat menimbangkan cadangan saya iaitu yang pertama, pusat-pusat pembangunan pekebun kecil ini hendaklah dibanyakkan lagi di merata-rata kampung terutama sekali kampung-kampung pendalaman yang susah perhubungannya dan ahli-ahli bagi satu-satu yunit ini hendaklah ditambah lagi. Kalau hari ini kebanyakannya di antara 15 orang sampai 23 orang sahaja yang saya teliti akan tetapi penduduk-penduduk di dalam sebuah kampung di mana

adanya yunit PPPK ini tidak dapat menyertainya. Jadi, tidaklah keseluruhan penduduk-penduduk dalam sebuah kampung itu dapat menikmati rancangan-rancangan, faedah-faedah yang dijalankan oleh sesebuah yunit.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berharap kepada pihak yang berkenaan terutama Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengarahkan pada masa-masa yang akan datang iaitu cara menubuhkan PPPK ini di kampung-kampung hendaklah melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan sesebuah kampung atau sekurang-kurangnya penubuhan ini hendaklah melalui ketua-ketua sesebuah kampung. Oleh kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam kawasan saya banyak pusat PPPK ini tetapi ahli-ahli PPPK ini boleh mengumpulkan beberapa orang ahli untuk menubuhkan PPPK ini. Apa yang menjadi kurang menyenangkan sedikit, Tuan Pengerusi, ada di antara mereka yang tidak bertanggungjawab masuk di dalam yunit-yunit PPPK ini untuk menubuhkannya bagi menjadi pemimpin-pemimpin di dalamnya dan apakala PPPK ini dapat kemajuan faedah kepada ahli-ahli, ada di antara mereka cuba menyelewengkan. Umpamanya saya beri contoh, mereka memberitahu kepada orang ramai bahawa Kerajaan kita tidak dapat menolong tuan-tuan tetapi RISDA melalui PPPK dapat menolong tuan-tuan. Jadi seolah-olahnya yang RISDA atau PPPK ini tidak ada kena-mengena dengan Kerajaan. Bagi penduduk-penduduk di kampung-kampung yang jauh di pendalaman yang mementingkan faedah yang didapati dengan cepat setengah-setengahnya boleh mempercayai dakwaan mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Jadi, dengan sebab itu, saya berharap benar kepada pihak RISDA di masa-masa akan datang jika hendak meluluskan satu-satu yunit PPPK ini hendaklah mendapat persetujuan daripada pihak JKK atau sekurang-kurangnya daripada pihak ketua-ketua kampung.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 66, Butiran 5—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah, muka surat 546, Aktiviti (ii)—Pembangunan Utama.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kawasan saya ini sebuah kawasan pertanian, pihak Kerajaan Negeri telah banyak membuka rancangan-rancangan tanah pinggir atau tanah-tanah kelompok diberi kepada rakyat yang

tidak mendapat tanah yang secukupnya. Selain daripada mereka yang telah dipilih masuk oleh FELDA, boleh dikatakan sebahagian besar daripada projek-projek tanah pinggir dan tanah terkawal ini tidak dapat dijayakan dengan sempurnanya dan tanah-tanah ini bukan sahaja rakyat tempatan tidak dapat menikmati hasilnya tetapi pihak Kerajaan Negeri juga tidak dapat mengutip balik wang sama ada pembayaran kos pembukaannya, hasilnya dan sebagainya tetapi tanah-tanah tadi telah terbiar bertukar menjadi kebun lalang dan yang paling berat sekali ialah kawasan-kawasan tadahan air ini telah menjadi kering. Jadi dengan sebab itu untuk menjayakan tanah-tanah ini, saya berharap kepada FELCRA supaya dapat mengambil alih tanah-tanah yang saya sebutkan tadi dimajukan. Jika pihak RISDA boleh memajukan kebun-kebun atau tanah-tanah sebagai rancangan ladang-ladang kecil (mini estate), saya harap kepada pihak FELCRA pula dapat memajukan kawasan-kawasan ini. Kalau tanah ini tidak dapat dimajukan ekonomi rakyat di luar bandar tidak dapat dibaiki walau bagaimana kita mengadakan segala rancangan pihak rakyat ini tidak dapat mengahgairi bagaimana susah payah Kerajaan kita bagi hendak meninggikan taraf mereka.

Tuan Pengerusi, dengan itu lagi sekali saya menyokong cadangan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.11 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, saya ingin ikut serta dalam perbincangan mengenai permohonan yang dibuat oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di bawah Maksud B. 66 dan P. 66. Saya hanya hendak bercakap tentang dua tiga perkara sahaja.

Perkara yang pertama sekali mengenai P. 66, Butiran 1 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Oleh sebab di kawasan saya di Tanah Merah, Kelantan terdapat satu rancangan FELDA yang bernama Rancangan FELDA Kemahang, Tanah Merah, Kelantan; rancangan ini telah lama juga diwujudkan dan setakat hari ini telahpun sebahagian-

nya menghasilkan hasilnya, cuma saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam masalah ini ialah mengenai peneroka-peneroka yang sepatutnya dimasukkan ke dalam rancangan ini. Oleh sebab keadaan kontraktor-kontraktor agak terlalu lewat untuk menyiapkan rumah-rumah kediaman kepada bakal-bakal peneroka-peneroka tersebut maka tergendalalah sebahagian daripada bakal-bakal peneroka untuk memasuki ke rancangan Kemahang tersebut.

Dengan ini saya mencadangkan supaya untuk perhatian Yang Berhormat Menteri di antara salah satu cara untuk mengatasi soal kelewatan perumahan ini pihak FELDA hendaklah mungkin pada masa hadapan membuat satu kaedah lain yang mana rumah-rumah panjang hendaklah didirikan untuk memasukkan buat sementara peneroka-peneroka ke rancangan-rancangan FELDA kerana kalau kita hendak menunggu tiap-tiap rumah siap untuk diberikan kepada tiap-tiap keluarga, maka mungkin terjadilah kelambatan sepertimana yang berlaku kepada FELDA Kemahang di Tanah Merah, Kelantan. Saya tidak menyalahkan kepada pihak Kementerian ini kerana wujudnya kelewatan tersebut tetapi ini adalah melibatkan faktor ataupun faktor-faktor lain, misalnya bahan binaan dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya buat sementara rumah-rumah panjang hendaklah diadakan. Ini telahpun dibuat oleh Rancangan Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Walaupun KESEDAR ini dikatakan setahun jagung ataupun hanya dilancarkan pada tahun lepas, bulan Februari, tetapi pada tahun ini Rancangan Kelantan Selatan (KESEDAR) telah berjaya memasukkan lebih daripada 1,000 orang peneroka. Caranya KESEDAR, yakni yang termasuk di bawah P. 66, Butiran 13, menyiapkan rumah-rumah panjang dahulu untuk masukkan peneroka-peneroka ini ke dalam rancangannya walaupun rumah-rumah yang kekal untuk setiap peneroka dan keluarga mereka itu belum siap. Dengan cara yang demikian saya rasa patut pihak FELDA mengambil tauladan ataupun contoh daripada rancangan KESEDAR ini kerana sekurang-kurangnya ada dua faedah. Faedah yang pertama sepertimana yang saya pernah mengesyorkan dan juga saya mengesyorkan sekejap tadi yang bermotif supaya peneroka-peneroka ini cepat di

masuk ke rancangan-rancangan yang berkenaan, yakni FELDA. Motif atau tujuan yang kedua ialah peneroka-peneroka ini dapat bekerja mengerjakan ladang bakal-bakal ladang mereka itu sebelum ladang mereka ini benar-benar siap dan boleh menghasilkan hasil sepertimana yang kita dapati dalam rancangan FELDA yang lain. Jadi daripada kita menunggu dua atau tiga tahun daripada mula-mula rancangan itu dimulakan maka sekurang-kurangnya dua atau tiga tahun kita telah mewujudkan pekerjaan kepada bakal-bakal peneroka yang berkenaan.

Dari segi penglibatan kewangan saya rasa pihak FELDA tidak mungkin melibatkan kewangan yang lebih kerana walaupun bakal-bakal peneroka ini tidak dimasukkan ke dalam rancangan-rancangan tersebut untuk dijadikan sebagai pekerja-pekerja kepada rancangan-rancangan yang tersebut maka wang tersebut sudah tentu digunakan kepada bidang-bidang yang lain, umpamanya untuk membayar kepada kontraktor untuk menyiapkan persiapan pembangunan tanah tersebut yang mana alangkah baiknya kalau wang tersebut diberi terus kepada peneroka-peneroka yang berkenaan.

Dalam hal ini berhubung dengan P. 66, Butiran 13—Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan sepertimana saya sebutkan tadi satu ucapan tahniah sepatutnya dirakamkan kepada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) kerana, berani menjalankan usaha-usaha sepertimana yang saya sebutkan tadi dan kedua, setakat hari ini kita telah dapat melihat hasilnya kerana kebanyakan daripada mereka yang menerokai kawasan-kawasan Gua Musang, di bawah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ini merasa bahawa mereka benar-benar terlibat dengan bakal kampung halaman mereka. Selain daripada mereka ini mendapat sesuatu rancangan ataupun habuan daripada bentuk tanah ataupun hakmilik mereka pada satu hari nanti, mereka dari awal-awal lagi telah mendapat satu perasaan bahawa mereka mengerjakan hakmilik mereka sendiri. Saya rasa patutlah pihak FELDA khasnya dan Kementerian ini amnya membuat kajian supaya lain-lain rancangan FELDA atau seumpamanya eloklah mengambil contoh daripada rancangan KESEDAR di Kelantan.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh mengenai Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan, iaitu di bawah P. 66, Butiran 15. Saya bersyukur kerana pihak Kerajaan Pusat setelah beberapa lama akhirnya datang untuk menyelamatkan tanah-tanah yang telah dibiarkan di negeri Kelantan. Selama Kerajaan dahulu memerintah Kerajaan Negeri Kelantan, beberapa rancangan tanah, kalau tak silap saya 27 rancangan tanah ini, termasuk di kawasan saya sendiri di Tanah Merah, Kelantan, telah dibuka dalam keadaan begitu rupa sehinggalah jauh hendak dikatakan daripada berjaya. Saya telah berpengalaman melawat dan telah tidur di dalam satu kawasan LKTN atau Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan di kawasan pilihanraya saya sendiri dan saya dapati dalam kawasan LKTN tersebut walaupun tanahnya telah dimulakan pemberian kepada peneroka-peneroka sejak tahun 1969 tidak ada satu kawasan pun yang dapat hasil pada hari ini, 10 tahun kemudian. Ini ialah kerana disebabkan pertama sekali tidak wujudnya satu penyeliaan yang rapi daripada pihak Kerajaan. Kedua, seolah-olah orang ini apabila mereka mahukan tanah: Sikap Nah, terimalah tanahnya dijalankan dan apa hendak jadi jadilah selepas daripada itu

Saya bersyukur kerana pada tahun ini pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah memohon sebanyak \$8,628,000 walaupun sebagai satu pinjaman kepada LKTN Negeri Kelantan. Saya berharap peruntukan ini dapat disalurkan kepada berbagai-bagai projek untuk faedah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan sendiri supaya, yang pertama sekali, tanah telah dibiarkan berpuluh-puluh tahun itu diselamatkan dan, yang kedua, yang paling penting lagi manusia yang secara tidak langsung, manusia yang oleh kerana mereka laparkan tanah, mahukan tanah telah dianiaya secara tidak langsung oleh pentadbiran lama di Kelantan kerana telah membiarkan mereka itu berkawan dengan nyamuk, berkawan dengan gajah dan juga binatang-binatang liar yang lain. Oleh sebab itulah saya mencadangkan, yang pertama sekali, wang ini hendaklah digunakan dari segi mewujudkan infrastruktur di dalam kawasan-kawasan LKTN tersebut termasuk jalan, rumah-rumah bagi peneroka-peneroka tersebut walaupun rumah-rumah ini saya ingin mencadangkan kita tidak perlu buat seperti-mana yang dibuat oleh FELDA, tetapi

hendaklah kita beri peralatan kepada mereka itu dan bagi orang-orang ini mereka boleh membina rumah mereka sendiri, jadi perbelanjaannya tidak akan menggunakan perbelanjaan yang banyak sepertimana yang digunakan kepada pembangunan rumah-rumah peneroka FELDA setakat hari ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya minta juga dalam masalah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan ini kemudahan-kemudahan asas yang lain selain daripada jalanraya, selain daripada rumah hendaklah disegerakan. Misalnya di dalam rancangan yang saya sebutkan tadi terdapat beberapa orang yang terpaksa mengorbankan selain daripada mengorbankan hidup mereka, tetapi juga terpaksa mengorbankan masa depan anak-anak mereka sendiri.

Saya dapati, Tuan Pengerusi, dengan sedihnya bahawa terdapat dua tiga orang daripada satu dua keluarga yang bermati-matian tinggal di kawasan yang tidak dapat dimajukan itu terpaksa tidak bersekolah kerana keadaan tempat itu jauh daripada sekolah. Perhubungan daripada tempat itu ke tempat-tempat yang ada sekolah adalah begitu jauh sekali apatah lagi hendak disebutkan soal keliling, hendak disebutkan soal-soal kemudahan-kemudahan awam yang lain. Jadi dalam masalah hendak membaiki tanah-tanah Rancangan Kerajaan Tanah Negeri Kelantan yang telah diabaikan oleh pemerintahan yang lalu yang telah saya sebutkan tadi selama berpuluh-puluh tahun itu, maka perkara yang pertama sekali hendak dijalankan ialah selain daripada hendak membina tanah-tanah itu supaya benar-benar tanah ini dapat menghasilkan getah, kelapa sawit dan sebagainya, tetapi hendaklah juga kita membina masyarakat atau bakal-bakal peneroka yang menjadi peneroka di kawasan itu.

Di dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, bagi diri saya tidak teragak-agak untuk mencadangkan kepada pihak yang berwajib sama ada pihak Kerajaan Negeri Kelantan ataupun pihak Kementerian ini sendiri supaya menentukan orang-orang yang benar-benar mahukan tanah kita berikan tanah. Bagi mereka yang mana mereka hanya wujud di atas daftar-daftar tanah tetapi tidak pernah menjenguk muka mereka ke rancangan-rancangan tanah ataupun tidak pernah mengetahui di mana tanah mereka itu selain daripada nombor lot tanah itu, maka saya mencadangkan kepada Kerajaan khasnya ke-

pada Kerajaan Negeri terutama sekali kepada Kementerian ini supaya jangan ragu-ragu untuk mengusir mereka ini. Ramai lagi rakyat di Kelantan yang dahagakan tanah dan orang inilah yang sepatutnya kita masukkan ke dalam rancangan-rancangan tanah yang telah dibiarkan berpuluh-puluh tahun itu dan insya-Allah kalau berbuat demikian maka sebahagian besar daripada masalah kelaparan tanah dan juga masalah pengangguran dan kemiskinan di negeri Kelantan dapat diatasi secara perlahan-lahan.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi Butiran 14—Rancangan Tanam Semula Getah. Ini saya percaya pihak Kementerian bermaksud mengenai RISDA. Saya hendak mencadangkan supaya pihak RISDA selain daripada menjalankan usaha-usaha yang sedang berlaku sehingga hari ini hendaklah memikirkan soal untuk menambahkan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil. Saya maksudkan menambahkan ini ialah kerana saya dapati RISDA memainkan peranan yang penting untuk menghapuskan sebahagian besar daripada orang-orang miskin di luar bandar melalui Rancangan Penanaman Semula Getah. Kerana kita dapati kalau seseorang itu mempunyai tanah getah empat atau lima ekar setelah ditanam senang sahaja, pada hari ini mereka itu mendapat sekurang-kurangnya \$300 atau \$400 sebulan. Hendaklah menjadi tujuan utama ataupun menjadi matlamat penting kepada RISDA secepat mungkin untuk menanam semula semua getah yang tua yang dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil di luar-luar bandar yang rata-rata mereka ini adalah di bawah poverty line.

Caranya saya minta supaya ditarabahkan peruntukan ini terutama sekali kepada mereka yang mempunyai getah tidak begitu luas, katakan sampai lima atau enam ekar ke bawah, kalau pada hari ini mereka ini berhak ataupun layak mendapat \$1,300 satu ekar tetapi untuk menampung perbelanjaan mereka itu sementara menunggu hasil daripada tanaman kontan ataupun sementara menunggu getah ataupun lain-lain tanaman mereka itu dapat dihasilkan hasil yang sepatutnya, maka apalah salahnya kalau pihak Kementerian ini mencadangkan supaya sekurang-kurangnya \$2,000 satu ekar ertinya kita tambah hanya \$700 di atas satu ekar kalau dengan tujuan matlamat akhirnya ialah hendak mengurangkan kemiskinan di luar

bandar kerana ini adalah sesuai dengan hasrat Kerajaan sama ada di dalam Dasar Ekonomi Baru ataupun dasar-dasar Kerajaan sebelum daripada ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Panti.

5.25 ptg.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian membahaskan peruntukan yang dibuat oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya akan menyentuh dengan seberapa ringkas beberapa perkara yang saya fikirkan perlu berhubung dengan P. 66, Butiran 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Tajuk (iii) Jalan-jalan FELDA dan (iv) Bekalan Air.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah dapat menjayakan Rancangan FELDA, boleh dikatakan seluruh negara keseluruhan Rancangan FELDA berjaya. Dan kebanyakan tempat terutama sekali dalam kawasan pilihanraya saya hampir-hampir separuh pengundi-pengundi saya terdiri daripada peneroka-peneroka FELDA. Jika diizinkan Allah ada beberapa lagi rancangan yang akan dibuka tidak lama lagi kalau tidak silap saya mungkin meningkat sampai 22 rancangan yang akan wujud dalam kawasan pilihanraya saya.

Saya bagi pihak peneroka mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan melalui Kementerian ini yang selama ini telah bermurah hati menerima mereka menjadi peneroka, cuma ada beberapa masaiah sebagai wakil mereka dalam Dewan yang mulia ini mereka meminta sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri beberapa perkara yang difikirkan oleh peneroka-peneroka sekarang terutama sekali berhubung dengan jalan-jalan FELDA yang mana peruntukan yang dipohon untuk tahu 1980 ini berjumlah \$42,943,000.

Berhubung dengan jalan-jalan dalam FELDA ini, selama ini saya mewakili mereka dalam Dewan Undangan Negeri tidak kurang daripada lima tahun dan hari ini saya mewakili mereka dalam Dewan Rakyat ini sudah lebih setahun yang mana kebanyakan jalan-

jalan dalam FELDA ini sangat teruk dan selalu menimbulkan keraguan di antara dua atau tiga pihak. Pihak-pihak itu ialah Kerajaan Negeri, JKR dan FELDA.

Apabila perkara ini ditimbulkan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung Rancangan (JKKR), maka apabila dikemukakan kepada Majlis Tindakan Daerah maka FELDA mengatakan jalan ini tanggungjawab JKR. Tetapi apabila dibawa kepada pihak yang berkenaan JKR maka JKR pula menentang balik macam bola, ini bukan tanggungjawab JKR tetapi tanggungjawab FELDA. Dalam tolak menolak di antara FELDA dengan JKR ini yang menjadi mangsa ialah peneroka, jalannya berlubang-lubang. Jadi saya sukalah dengan seberapa ringkas memberikan cadangan kepada Yang Berhormat Menteri dan sekiranya cadangan sudah ada moleklah dan kalau belum sebagaimana Johor Tenggara begitu pesat sekali kerana di dalam Johor Tenggara itu sendiri ada yunit JKRnya sendiri dinamakan JKR Johor Tenggara. Kalau saya tidak silap ada 16 jurutera di dalamnya sedangkan berbanding dengan JKR Daerah hanya seorang sahaja jurutera. Johor Tenggara mempunyai tidak kurang daripada 16 jurutera, kalau saya tidak silap, FELDA langsung tidak ada. Sukalah saya mencadangkan, kalau Johor Tenggara boleh mengadakan yunit JKRnya sendiri yang dipanggil JKR Johor Tenggara sedangkan FELDA adalah lebih luas daripada Johor Tenggara maka saya cadangkan tubuhkan yunit khas JKR kerana selama ini pihak FELDA mengharapkan kerjasama daripada JKR, umpamanya peruntukan diberi kepada JKR untuk membaiki sesuatu jalan, JKR kurang pula tenaga. Tetapi tahun 1980 ini nampaknya JKR banyak tenaga. Kita ucapkan tahniah. Jadi selama ini begitulah tolak-menolak, jadi eloklah difikirkan oleh pihak Kementerian ini iaitu ditubuhkan satu yunit JKR-FELDA sendiri untuk mentadbirkan segala urusan jalan, sama ada jalan ataupun berkaitan dengan FELDA.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Butiran ini juga iaitu (iv)—Bekalan Air. Walaupun perkara ini saya telah timbulkan dalam Belanjawan tahun sudah, tetapi sehingga hari ini masih lagi ada FELDA yang tidak mendapat cukup bekalan air dan ada di antara FELDA dalam kawasan saya mendapat bekalan air hanya untuk makan

dan minum sahaja dan untuk membasuh dan mandi terpaksa menggunakan anak-anak sungai dan telaga dan setengah-setengah anak-anak sungai dalam rancangan FELDA ini dipenuhi dengan racun-racun serangga dan baja yang dihanyutkan oleh air. Jadi dikhuatiri kalau air itu diminum tanpa ada ubat chlorin dan tanpa ditapis ditakuti membahayakan kesihatan penoreka sendiri. Saya harap dengan bekalan yang dipohon sebanyak \$24,035,320 itu satu jumlah yang saya harap akan dapat disalurkan kepada FELDA Kota Tinggi atau Panti, terutama sekali rancangan-rancangan yang baru, yang belum ada cukup kemudahan-kemudahan asas di dalamnya.

Tuan Pengerusi, salah satu daripada beberapa sebab yang saya difahamkan kesulitan air dalam rancangan air tawar umpamanya ialah pihak JKR lambat membeli mesin hendak menaikkan air ini ke dalam reservoir di sana sedangkan kelambatan sudah memakan masa 2 atau 3 tahun. Di bidang ini saya tidak menyalahkan Kementerian ini, saya tidak menyalahkan FELDA dan saya juga tidak mahu menyalahkan JKR kerana peruntukan untuk tahun hadapan baru dipohon. Tetapi saya harap pada tahun hadapan reservoir yang dibina itu akan dapat disiapkan dengan seberapa segera untuk memberi bekalan air kepada peneroka-peneroka terutama sekali dalam rancangan air tawar.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Butiran 1 (v) berhubung dengan Kemudahan Sosial. Di sini saya tidak nampak satu pecahan pun, saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Menteri kerana barangkali yang membuat anggaran ini ialah pihak Kementerian, sebagaimana saya katakan tadi peneroka-peneroka kita hampir keseluruhannya terdiri daripada bumiputra yang beragama Islam, sedangkan di dalam peruntukan ini tidak ada disentuh langsung berhubung dengan pembangunan Islam. Saya tidak tahulah kalau yang membuat anggaran ini tidak ada orang Islam di dalamnya ataupun telah dimasukkan ke dalam Pecahan (v) iaitu kemudahan Sosial ataupun dimasukkan dalam pecahan 1 Belanja Mengurus. Itu saya tidak berapa faham tetapi sekiranya kegiatan agama Islam itu dimasukkan sama ada dalam Pecahan 5 Kemudahan Sosial atau dalam (1) iaitu Belanja Mengurus saya ucapkan berbanyak terima kasih. Saya harap dalam Belanjawan yang akan datang tolonglah selitkan sedikit berhubung dengan kegiatan agama Islam. Di

dalam FELDA negeri Johor sahaja umpamanya sudah 5 tahun perkara ini saya bangkitkan iaitu berhubung dengan salah faham di antara pihak Kerajaan Negeri dan pihak FELDA sendiri. Ini telah dimaklumi sendiri oleh Yang Berhormat Menteri yang mana salah satu daripada syarat Kerajaan Negeri Johor untuk membenarkan tanah negeri Johor dimajukan oleh FELDA hendaklah pihak FELDA mendirikan sekolah agama dalam FELDA. Ini saya difahamkan oleh pihak Kerajaan Negeri telah dipersetujui antara dua belah pihak tetapi perkara ini apabila sampai ke peringkat FELDA, FELDA mengatakan tidak ada polisi untuk membuat sekolah agama dalam negeri Johor sedangkan negeri Johor telah berjanji bahawa guru agama akan dibekalkan oleh Kerajaan Negeri, rumah guru akan dibekalkan oleh Kerajaan Negeri tetapi bangunan sekolah itu hendaklah dibuat oleh FELDA.

Perkara ini telah timbul beberapa kali salah faham, maka saya harap tahun 1980 ini tidak akan silap lagi dan kalau pun FELDA hendak membuat rumah guru tidaklah melibatkan seluruh negeri dalam Malaysia Barat ini kerana boleh dikatakan sekolah agama yang agak teratur yang dibuat oleh Kerajaan saya difahamkan dalam negeri Johor sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup untuk Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kemudian Ahli Yang Berhormat dari Kangar, lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.35 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 1, muka surat 546 berkenaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian yang telah menjayakan projek FELDA di dalam 7-8 tahun ini tetapi ada lagi kelemahan yang saya harap Menteri boleh mengambil perhatian dan melicinkan lagi dan memberi lebih lagi kemudahan-kemudahan kepada peneroka FELDA. Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, saya sekali

lagi mendapat satu surat dari wakil peneroka rancangan FELDA Kota Tinggi Gelanggi Empat di Pahang dan mereka telah membangkitkan beberapa masalah kepada saya dan saya rasa masalah peneroka di skim ini pun juga serupa dengan masalah peneroka FELDA di skim lain.

Satu masalah besar iaitu masalah kuasa elektrik dan di dalam peruntukan di bawah Butiran I—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tidak ada wang yang diperuntukkan untuk mengadakan perkhidmatan elektrik kepada skim FELDA. Saya harap masalah itu boleh dapat diatasi dan sebelum kuasa elektrik diberikan kepada skim FELDA mereka ada menghadapi masalah bekalan minyak tanah dan selalu mereka tidak dapat cukup bekalan minyak tanah. Maka saya harap pihak berkenaan boleh mengadakan satu skim di mana skim-skim FELDA boleh diberi priority apabila minyak tanah diberikan kepada rakyat umum.

Satu lagi masalah di bawah kemudahan sosial (social amenities) ialah saya ingin sentuh di sini ada skim FELDA yang sampai sekarang tidak ada Wakil Pos dan masalah communication atau perhubungan ialah satu masalah yang terbesar dan saya harap Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan boleh berhubung dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi mengadakan Wakil Pos di dalam skim ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi masalah yang selalu berbangkit ialah masalah perkhidmatan pengangkutan. Jikalau perlu saya ingat Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan mesti ada satu unit di sana mereka mengadakan perkhidmatan pengangkutan FELDA sendiri untuk faedah peneroka-peneroka.

Ada juga lain-lain masalah macam mereka telah membuat permohonan kebenaran mengambil barang-barang keperluan harian di kedai-kedai Perbadanan FELDA sebanyak \$70 sebulan adalah tidak mencukupi, oleh kerana ada peneroka-peneroka yang berkeluarga besar dan jikalau boleh hendaklah ditambah lebih dari \$70 sebulan.

Oleh kerana sekarang Skim FELDA ini telah maju tetapi ada lagi kelemahan-kelemahan yang saya telah sebutkan tadi, saya ingin mencadangkan Lembaga FELDA mengadakan satu Complaint Bureau di mana apabila peneroka-peneroka di skim-skim FELDA ada masalah mereka boleh berhu-

bung terus dengan Complaint Bureau ini dan Jawatankuasa Bertindak atau Jawatankuasa Khas untuk mengatasi masalah-masalah mereka dengan secepat mungkin. Jikalau Jawatankuasa Khas atau Jawatankuasa Bertindak ini tidak boleh ditubuhkan oleh kerana tidak ada cukup pegawai-pegawai saya harap Kementerian tambah lagi Field Officers untuk berkhidmat kepada skim-skim yang telah saya sebutkan tadi.

Saya juga berharap pegawai-pegawai kanan atau tinggi di dalam Lembaga ini juga melawat tempat-tempat di mana Kementerian ada skim-skim FELDA. Jikalau kita tunggu sampai hari mereka menulis membuat complaint saya ingat masa itu sudah lambat sedikit dan saya berharap pegawai-pegawai tinggi tidaklah selalu di dalam bilik-bilik aircon sahaja tetapi juga sendiri lihat keadaan di dalam tempat-tempat skim-skim FELDA.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya juga berharap Lembaga boleh adakan satu rancangan di mana belia-belua bukan bumiputra mendapat peluang melawat skim-skim FELDA ini oleh kerana selalu di Dewan yang mulia ini kita dengar rakan-rakan kita membangkitkan perkara-perkara macam tidak cukup bilangan atau golongan bukan bumiputra masuk campur dalam skim-skim FELDA ini dan saya ingat jikalau kita ada satu program atau rancangan di mana belia-belua dari keturunan Tionghua dan India dan lain-lain kaum dapat dijemput melawat skim-skim ini barangkali kita pun boleh dapat sedikit peratus dari kumpulan yang ingin masuk dalam skim FELDA ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.45 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian berkenaan, di samping itu sukalah saya mengesyorkan dua perkara iaitu muka surat 543, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, walaupun kita tahu Pejabat Tanah atau tanah di bawah kuasa negeri tetapi sebagai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tentulah sedikit sebanyak dapat menasihati dan menegur kepada pihak-pihak Pejabat Tanah

Negeri dan juga saya percaya banyak perkara-perkara yang telah menjadi Kanun Tanah Negara yang tidak boleh dipinda. Memandang kepada negara kita telah maju dan harga barang naik di segenap segi, apatah lagi harga tanah. Kalau dahulu biasa saya dapat satu reiong tanah di Perlis di tempat yang biasa ditanam dengan nipah, saya yakin Yang Berhormat Menteri sendiri biasa pergi ke Perlis, tahu, tepi jalan, tidak ada harga langsung. Tetapi hari ini tanah yang berkenaan berharga \$40,000, \$50,000 atau ratus ribu. Darpada tanah yang tidak berharga ataupun \$50.00 pun tidak laku, hari ini telah menjadi \$50,000 lebih kerana dikira dengan harga kaki. Dengan sebab itu, apa yang saya hendak syorkan ialah Kanun Tanah Negara yang tidak boleh dipecah geran misalnya, dan kadang-kadang satu-satu projek yang hendak dijalankan oleh pihak Kerajaan atau tuanpunya tanah sendiri tidak dilakukan sebab kadang-kadang satu tapak tanah itu dimiliki oleh beberapa nana. Misalnya 5 ekar atau 5 reiong kadang-kadang dimiliki sampai 5 orang dan kalau satu-satu rancangan hendak dilaksanakan, tidaklah dapat dijalankan apa-apa rancangan di atas tanah itu walaupun rancangan itu baik, kerana tidak dipersetujui oleh salah seorang pemilik yang ada dalam geran tanah itu.

Tuan Pengerusi, kalau ini ada dalam Kanun Tanah Negara, saya berpendapat patutlah, memandangkan keadaan masa, dipecah-pecahkan walaupun satu ekar atau setengah ekar seorang kerana memandangkan keadaan masa seperti saya katakan tadi dan harga tanah bukanlah lagi seperti di masa-masa yang lepas. Orang bertambah banyak, setahu saya kalau tidak silap dalam 25 tahun sekali ganda sedangkan tanah tidak bertambah. Kanun Tanah Negara tidak macam dahulu, tidak boleh dipecah, keadaan masa tidak sesuai lagi, itu salah satu harapan saya.

Tuan Pengerusi, begitu juga di segi lain, selalu dicakapkan oleh kawan-kawan, saya juga tidak boleh nafi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, P. 66 muka surat 546, saya sebagai seorang petani walaupun menjadi Wakil Rakyat saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana kita tidak boleh nafi dan kita tahu dengan rancangan-rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang telah dirancangan

oleh Kerajaan telah mendapat sambutan dan pendapat yang begitu baik kepada rakyat dan bolehlah ini kita anggap sebagai satu estet untuk luar bandar atau estet berkelompok untuk petani-petani. Atas nama penduduk-penduduk atau atas nama petani saya sungguh-sungguh mengucapkan tahniah baik dari awal, dari Allahyarham Tun lagi sampai kepada yang menjalankan rancangannya hari ini.

Tuan Pengerusi, yang menjadi masalah kepada saya sedikit ialah Perlis sebuah negeri seluas 316 batu persegi, penduduknya berjumlah 140,000 sekarang, rancangan FELDA kalau tak silap yang khas di Perlis sahaja setakat hari ini ada lebih kurang 400 orang lebih peneroka, dapat sambutan yang begitu hebat, apatah lagi Menteri-pula telah memberi keistimewaan. Pada tahun ini sahaja Menteri yang berkenaan telah memberi berbagai-bagai imbuhan dan telah dua kali pergi ke Perlis. Jadi penduduk-penduduk Perlis berasa sungguh bangga di atas Menteri yang berkenaan. Tetapi yang mendukacitakan sebagaimana yang saya katakan tadi oleh sebab Perlis ini negerinya kecil, saya berharap sangat-sangat kalau hendak dibuka di Perlis, saya percaya Menteri yang berkenaan sedang berikhtiar hendak buka tempat getah, kalau tidak silap saya, ada sedikit tanah lagi. Tetapi rakyat Perlis ini nampaknya di mana pun dia sanggup pergi, bukanlah hendak menjaja, cuma hendak tumpang cari makan.

Buktinya baru-baru ini satu rombongan daripada Kerajaan Negeri Johor telah datang ke Perlis untuk menemuduga hendak beri tempat. Kalau tidak silap saya 200 orang yang telah pergi ke Johor untuk mengerjakan sawah di sana. Pendek kata kalau hendak ambil 200 mereka pergi untuk mengambil tempat. Begitulah kedudukan negeri Perlis, negeri yang kecil dan rakyatnya boleh dikatakan peratusnya banyak juga.

Dengan sebab itu saya harap sangat-sangat, Tuan Pengerusi, tolonglah buka banyak lagi rancangan-rancangan tanah FELDA ini kerana ini mendapat sambutan dan keistimewaan daripada rakyat dan saya bermaksud jangan semata-mata kepada apa yang ada hari ini kerana jaya atau tidak jayanya rancangan kemajuan tanah ini

bukanlah semata-mata bergantung kepada getah, kelapa sawit, tebu dan sebagainya. Saya yakin ini cara peraturan, macam tebu di Perlis, kalau tidak dibuat rancangan FELDA, kalau diharap kepada peneroka itu berpakat sendiri dengan tidak ada pendahuluan, tidak ada ikhtiar, tanah tidak diteroka dan sebagainya, saya percaya tidak dapat sambutan. Begitulah di segi getah dan sebagainya.

Sebab itu yang saya katakan ini, Tuan Pengerusi, saya biasa dapati di Perlis beberapa tahun yang lepas ada orang kerap kali buat kebun getah. Kadang-kadang ada yang berjaya dan ada yang tidak berjaya. Kalau tidak ada modal tentu tidak berjaya. Jadi saya yakin apa sahaja difikirkan oleh Kerajaan kita benda itu memberi faedah kepada rakyat macam setakat hari ini kita tahu seperti tebu di Perlis, yang banyak getah, kelapa sawit dan sebagainya. Saya berpendapat patut Kementerian ini berunding dengan Pejabat Pertanian, misalnya, apakah tanaman-tanaman hari ini yang kadang-kadang kita terpaksa import dari negeri-negeri lain, kita bawa masuk dari negeri-negeri lain. Saya percaya macam getah, walaupun kita tanam di Malaysia tetapi kita hantar ke luar negeri, walaupun kita gunakan balik. Begitu juga kelapa sawit, tetapi ada tanaman-tanaman yang kita sendiri terpaksa bawa masuk dari negeri lain.

Oleh sebab cara yang tidak teratur itu petani-petani kalau mereka bekerja sekalipun tidak mendapat sambutan, seperti saya contohkan getah dan tebu tadi. Dengan sebab itu saya berpendapat carilah khususnya tanaman-tanaman yang selalu hari ini terpaksa kita sendiri bawa masuk disebabkan kita sendiri tidak cukup. Ini disebabkan cara yang tidak teratur dan tidak mendapat sambutan daripada rakyat. Saya yakin dan percaya, Tuan Pengerusi, apa sahaja yang dianjurkan oleh Kerajaan dengan cara bantuan dahulu, cara peraturan yang baik akan mendapat sambutan dan beri keuntungan kepada rakyat. Begitulah macam saya kata tadi mengenai peneroka FELDA.

Sekali lagi harapan saya tolonglah buka sebanyak-banyak yang boleh. Kalau kata hendak buka di Perlis, semua orang tahu tanahnya tidak banyak tetapi kalau buka di mana pun tolonglah beri keistimewaan

kepada negeri Perlis. Walaupun hari ini telah diberi, saya tidak nafikan, di Pahang ramai orang Perlis yang dapat tempat tetapi masih dahagakan tempat kerana tidak cukup. Itulah yang selalu menjadi masalah kepada Wakil Rakyat, apatah lagi bila dilihat Menterinya selalu pergi ke Perlis beri imbuhan, beri keuntungan. Jadi yang tidak dapat tadi seolah-olah macam menangis hendak minta tanah seboleh-bolehnya. Jadi tidak ada jalan lain, apa yang saya hendak buat. Saya merayulah kepada Menteri yang saya tahu baik budi ini kalau buka di tempat lain tolonglah buka banyak, tolonglah beri keistimewaan kepada Perlis kerana kami tidak ada tanah sungguh-sungguh kerana di Perlis tidak cukup.

Tuan Pengerusi, akhirnya oleh kerana masanya pun sudah cukup, saya menyentuh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah. Saya berpendapat tentang Pemulihan Tanah ini kita percaya hendak memulihkan tanah-tanah untuk menjadi kebaikan. Tetapi masih ada tanah-tanah hari ini yang dipunyai oleh setengah-setengah orang yang wangnya banyak tetapi tanah itu tidak digunakan. Saya percaya berjuta-juta ekar tanah, kata orang Perlis menjadi "tanah eram", maknanya tanah itu tidak ditanam padi, tidak ditanam getah dan sebagainya kerana mereka tahu kalau di tanam padi macam saya selalu kata dalam Dewan ini memandangkan kos perbelanjaan hendak buat sawah, hendak membajak dan menuainya balik, kalau ditolak dan dicampur kadang-kadang tidak mendatangkan keuntungan. Sebab itu ada tanah-tanah yang tidak diusahakan langsung. Saya berharap tanah-tanah yang tidak diusahakan ini patutlah Kementerian yang berkenaan ambil tindakan supaya tanah-tanah ini mesti diusahakan kerana kita tahu hari ini sedang kita hendak buka tanah-tanah yang besar, kita mengalami dua tiga masalah. Kadang-kadang masalahnya kita juga hendak simpan kayu-kayu yang kita akan gunakan untuk masa hadapan sedangkan ada tanah yang kayu pun tidak digunakan kerana tidak tumbuh, tanaman pun tidak ditanam seperti kata orang Perlis "tanah eram", maknanya tanah itu tidak di gunakan langsung. Boleh jadi pihak pemilik tanah ini akan gunakan untuk membuat rancangan perumahan dan berbagai-bagai projek.

Jadi sebelum projek akan dijalankan, saya mintalah kepada Kementerian yang berkenaan jalankan dahulu apa yang bersesuaian dengan keadaan masa buat jangka pendek supaya tanah itu tidak merugikan sahaja.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya menyokong peruntukan yang telah diminta dan saya harap sangat-sangatlah rayuan saya tadi, bukan desakan, mendapat pertimbangan daripada Menteri yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat.

5.56 ptg.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan memberi pandangan-pandangan mana saya teliti kelak akan difikir boleh diterima dan dilaksanakan, insya Allah akan dilaksanakan dan yang mana difikirkan tidak praktikal akan ditinggalkan sahaja.

Saya cuba menjawab dengan secara ringkas. Saya mulakan pada Yang Berhormat yang akhir sekali berucap iaitu dari Kangar. Perkara yang pertama disebut tadi, maaf, saya tidak faham apa yang dicakapkannya jadi tidak dapat saya menjawabnya (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi:** Ini bukan Yang Berhormat seorang sahaja! (*Ketawa*).

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Bila tiba kepada FELDA itu, saya fahamlah sedikit, Semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini sememang maklum iaitu negeri Perlis itu kekurangan tanah dan ramai penduduknya dan berharap negeri-negeri lain yang membuka rancangan FELDA dan lain-lain boleh menerima orang Perlis. Tetapi suka saya mengingatkan di sini iaitu negeri Perlis sendiri ada juga yang menunggu hendak masuk rancangan FELDA tetapi bukan kekurangan tanah, masih ada lagi hampir 10,000 ekar tanah yang layak dibuka oleh FELDA Negeri Perlis. Sudah 2 tahun saya mengulangi beberapa kali kepada Kerajaan Negeri Perlis belum dapat lagi kelulusan untuk dibuka. Negeri-negeri lain belum menerima orang-orang daripada negeri

lain yang hendak masuk dalam rancangan FELDA ke negerinya memandangkan negeri itu betul-betul tidak ada tanah atau ada tanah sememang tidak dibuka dengan tujuan lain. Ini tiap-tiap negeri mestilah memikirkan sehalus-halusnya. Saya berharap Wakil-wakil Rakyat di sini akan memerhatikan hal ini dan menolong lagi pihak FELDA.

Cadangan Yang Berhormat dari Kangar juga berkenaan dengan menyuruh FELDA mengkaji tanaman-tanaman lain daripada tanaman-tanaman yang biasa seperti getah dan kelapa sawit, saya mengingatkan Yang Berhormat iaitu sebelum kita mengubah tanaman-tanaman untuk FELDA selain daripada getah, kelapa sawit, koko dan kita telah mula menanam kopi juga dan tebu yang ada, kita mesti memikirkan apa yang telah berlaku. Kita sudah memikirkan sehalus-halusnya. Ada setengah-setengah perkara yang boleh ditanam itu nampaknya kita kekurangan bahan itu dan patut ditanam, tetapi kalau barang itu boleh menguntungkan sudah lama estet-estet yang ada dalam Malaysia ini telah menanamnya. Kita mesti kaji halus-halus, kalau tidak, kita tecebur dalam kerugian akan datang kelak.

Kita memandangkan kita kekurangan gula misalnya, terburu-buru menanam tebu di sana sini. Akhirnya apa telah terjadi? Kita fikir dua kali. Ini katanya kita kekurangan barang yang diimport, jagung misalnya, buka ladang jagung. Kita fikir dua kali lagi, kita tahu iaitu satu ekar kalau ditanam kelapa sawit boleh membeli 10 ekar jagung, buat apa susah tanam jagung seekar, lebih baik ditanam sawit seekar hasilnya itu boleh mengimport 10 ekar jagung.

Tanah-tanah yang ketinggalan katanya, ini bukan tanggungjawab FELDA. Kalau ada tanah yang tinggal tidak dikerjakan. Kementerian Pertanian sudah ada menjalankan "Geraktani" yang akan menjalankan tanah yang tinggal itu.

Tentang pembukaan sawah, misalnya, saya telah mengarahkan pihak FELCRA membuka rancangan sawah secara besar-besaran termasuk Seberang Perak dan akan datang sekarang kita ada lebih kurang 25,000 ekar di Endau, kawasan pilihanraya saya sendiri, sedang dikaji oleh FELCRA dan kawasan ini sekiranya boleh dibuka dan layak

dibuka, kita adakan peruntukan untuk dibuka dan kita akan menjemput khasnya, kebanyakannya ialah orang-orang daripada Perlis dan negeri Kedah yang sememang cukup pandai menanam padi ini.

Banyak Ahli Yang Berhormat lebih kurang sama perkara yang dibawa di sini iaitu mengatakan kelemahan-kelemahan yang berlaku di dalam rancangan FELDA dengan sebab kelambatan mendapat kemudahan-kemudahan asas khasnya yang selalu dibangkitkan ialah jalan dan elektrik. Saya suka mengingatkan Yang Berhormat di sini untuk membantu saya memberi penerangan kepada Ahli-ahli FELDA ini. Ahli-ahli di dalam FELDA lebih kurang 60,000 orang adalah mereka yang cukup bernasib baik kalau dibandingkan dengan beberapa juta yang masih ketinggalan yang tidak dapat peluang masuk dalam FELDA. Sehingga masa ini yang masuk dalam FELDA lebih kurang 52,000 keluarga. Yang tidak dapat masuk satu million, dua million keluarga lagi yang hendak masuk FELDA tetapi tidak dapat. Dan yang telah dapat masuk dalam FELDA ini apabila telah mengeluarkan hasil, kalau getah sahaja dapat \$500—\$600 sebulan. Kalau kelapa sawit kadang-kadang \$800 sebulan pukul rata.

Kita mesti memberi penerangan kepada ahli peneroka FELDA yang saya selalu jalankan, begitu juga pegawai-pegawai FELDA iaitu mereka mesti insaf dan sedar dirinya yang dia mendapat pendapatan yang begitu lumayan, jangan lupa adik, kakak dan saudara-saudaranya yang sebangsa dengannya yang masih ketinggalan beratus ribu lagi yang tidak dapat masuk FELDA yang masih lagi mendapat di antara \$100—\$200 sebulan. Bila kita dengar misalnya kelambatan Kerajaan menyediakan jalan dengan tar padahal dalam kawasan-kawasan FELDA itu sudah ada jalan-jalan disediakan dengan batu merah tetapi belum ditar mereka bersungut minta segera ditarkan. Mereka lupa jalan-jalan yang ada di kampung-kampung yang masih tidak masuk FELDA masih lagi jalan lumpur. Kita mesti sedar perkara ini. Yang mana hendak didahulukan padahal mereka yang di luar FELDA itu masih mendapat \$100—\$200 sebulan dan dia dalam FELDA mendapat \$500—\$600 sebulan.

Banyak Yang Berhormat memperjuangkan mereka itu dan melupakan yang lebih ramai yang menyokong kita khasnya Kerajaan kita yang tidak masuk dalam FELDA yang berkehendakkan bantuan khasnya jalan raya, elektrik dan lain-lain. Misalnya, elektrik kita ada satu polisi iaitu apabila kita buka rancangan FELDA tidak masuk elektrik terus kerana mereka apabila baru masuk dalam rancangan FELDA tiga empat tahun belum dapat hasil yang masuk dalam rancangan getah hingga tujuh tahun baru dapat dipotong getahnya, baru dapat mengeluarkan hasil. Kalau daripada mula kita masukkan elektrik perbelanjaan amat besar. Jadi kita hendak masukan elektrik itu kita menunggu sampai mereka itu mampu membayar bil elektrik, mampu memasuki wire, membeli lampu-lampu dan lain-lain. Masa itu baru kita timbangkan untuk masukan elektrik dan juga kita tahu bahawa bekalan elektrik luar bandar ada peruntukan khas.

Memandangkan sekarang ada 200 lebih rancangan FELDA berkehendakkan beratus juta ringgit pula kalau semuanya hendak dibekalkan dengan elektrik. Di sini lagi saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat semua menasihatkan mereka dalam FELDA tunggulah dahulu kerana kepentingan dan kehendak mereka khasnya bumiputra yang di luar FELDA lagi-lagi berkehendakkan elektrik. Kita kena timbang sebagai pihak Kerajaan dan juga Kementerian saya, pada pandangan saya mereka yang belum dapat masuk FELDA yang masih lagi pendapatan \$200 ke bawah di kampung-kampung patut didahulukan berkenaan dengan membaiki jalannya dan juga elektrik. Jangan kita lupakan mereka itu. Dalam Dewan ini tiada kerja lain memperjuangkan FELDA dan mengatakan ini semua masalah yang dihadapi oleh FELDA.

Kerajaan telah menyediakan dengan kerjasama dan pertolongan Yang Berhormat Menteri Kewangan memandangkan keadaan ini telah memberikan satu peruntukan khas pada tahun ini kerana membaiki dan mengetar jalan-jalan dalam FELDA. Ini perbalahan telah timbul. Yang sebenarnya jalan perkampungan dalam FELDA adalah tanggungjawab FELDA. Tetapi Kerajaan Negeri tidak akan menerima jalan-jalan itu diperbaiki dan dijaga pada masa akan datang

sehingga taraf jalan itu ditinggikan ke satu peringkat yang boleh diterima oleh Kerajaan Negeri. Di sini pihak Kementerian Kewangan telah memberi peruntukan lebih kurang \$20 juta untuk tahun ini untuk membuka dan mengetarkan jalan-jalan dalam rancangan FELDA sehingga setaraf dengan kehendak Kerajaan Negeri. Dan memandangkan banyaknya bilangan rancangan FELDA, saya memberi tahu Yang Berhormat di sini apakah prinsip atau panduan bagi saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab hendak diberikan. Saya telah mengarahkan FELDA yang tua sekali dalam negeri itu didahulukan mengikut umurnya. Jadi tidak timbul pada saya mengatakan saya pilih kasih atau misalnya kalau peruntukan itu untuk lima atau enam rancangan FELDA dalam Johor patut dinaikkan taraf jalannya kepada jalan tar, kita pilih yang mana tua sekali antara rancangan FELDA itu dia dapat dahulu. Yang lain begitu juga pada tahun hadapan.

Begitu juga mengenai elektrik, kalau dahulunya elektrik di luar bandar sama ada dalam FELDA atau luar FELDA ialah di dalam bahagian bekalan elektrik luar bandar yang mana Kerajaan Persekutuan memberi bantuan kepada tiap-tiap negeri. Ini mengelakkan kesusahan daripada Kerajaan Negeri untuk memberi peruntukan kepada FELDA, maka lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan pada tahun akan datang telah memberi persetujuan satu peruntukan khas, kalau tidak salah saya, lebih kurang \$30 juta kepada Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Tenaga supaya kawasan-kawasan FELDA diberikan bekalan elektrik. Ini sekali lagi saya menegaskan kepada Yang Berhormat, bekalan ini juga akan diberikan kepada FELDA mengikut umurnya yang tua sekali. Tidaklah kita memilih misalnya kalau Wakil Rakyat berjumpa dengan saya meminta mendahulukan FELDA dalam kawasannya, saya tanya berapa umurnya lepas itu baru saya dapat timbangkan. Janganlah Ahli Yang Berhormat buat janji kerana nanti saya tidak dapat laksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman menyentuh berkenaan dengan kesan-kesan pembangunan bandar yang pesat dalam Kemajuan Wilayah yang membawa kepada

side effect, backward effect, forward effect, macam-macam berkenaan dengan bandar-bandar yang berhampiran dengannya. Sebetulnya saya tidak nampak effect-effect ini pada masa ini. Cuba kita lihat, kita membangun KESEDAR, ada mana-mana keliling di negeri Kelantan yang telah tutup kedai-kedai sebab KESEDAR dibuka dalam setahun, dua? Saya tidak nampak, belum ada lagi nampak side effect, pening kepala belum ada. Kita membuka bandar-bandar dalam Kemajuan Wilayah ialah dengan tujuan untuk mengurangkan bebanan bandar-bandar lain yang sesak itu, kebanyakan belia-belia yang tidak bekerja masuk kawasan wilayah ini, duduk di bandar-bandar ini dan bekerja di situ. Itu tujuannya. Jadi maknanya bukan side effect tetapi memperbaiki keadaan bandar-bandar sama ada jauh atau dekat dan kalau ada side effect yang disebutkan itu, saya suka mengatakan di sini kita sememang ada menubuhkan satu unit khas untuk mengkaji atas perkara-perkara yang timbul apakala dibangunkan bandar-bandar dalam Wilayah ini dan unit Perancangan Negeri juga ada kaitan rapat dengan Lembaga Kemajuan Wilayah di keempat-empat tempat itu mengkaji segala isu-isu yang dibangkitkan berkenaan dengan pembangunan Wilayah termasuklah kalau betul, seperti Yang Berhormat dari kawasan Kemaman timbulkan tadi.

Yang Berhormat dari Tanah Merah menyentuh berkenaan dengan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tanah Merah ada berucap.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** FELDA Kemahang. Saya suka menyatakan di sini rumah itu memanglah rumah yang belum siap oleh sebab kegagalan pemborong, khasnya bumiputra kita yang tidak dapat menjalankan kerja dan itulah menyebabkan kelengahan kemasukan peserta-peserta. Maka tindakan telahpun diambil oleh FELDA untuk memulihkan rumah-rumah itu dan membangunkannya. Cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan rumah panjang memang tidak dapat dilaksanakan kerana tidak sesuai.

Rumah panjang kalau kita hendak buat, ini kita hendak masukkan mereka yang ada berkeluarga, ada anak dan isteri dan kita masukan mereka ke rumah panjang; kita

bimbang apa yang terjadi. Yang tidak ada rumah panjang pun banyak yang telah berlaku! (*Ketawa*) Apa yang disebutkan tadi katanya perkara ini telah dijalankan secara rumah panjang dalam pembukaan KESEDAR, di sini suka saya menyatakan mereka itu ialah tidak membawa isteri masing-masing pada masa sekarang. Dan mereka itu dipindah sebagai pekerja dan akhirnya dijadikan peserta dalam pembukaan tanah KESEDAR itu iaitu sesuai dengan sebab payah pemborong-pemborong ataupun kontraktor hendak membuka kawasan Ulu Kelantan itu kita ambil bakal pesertanya seseorang itu tidak bawa isteri, anak-anaknya masuk rumah panjang itu bekerja membuka tanah itu. Itu perbezaan pembukaan tanah dalam KESEDAR yang sedang dijalankan sekarang mengikut keadaan yang ada itu sesuai. Tetapi mengikut FELDA yang lain tidak sesuai.

Yang kedua, saya suka menjelaskan di sini iaitu peserta yang telah sedia masuk ke Kemahang ini belum habis lagi dipilih kerana ada perkara-perkara yang timbul berkenaan dengan kemasukan peserta dalam FELDA Kemahang yang mana seperti Ahli Yang Berhormat tidak tahu hal ini.

Cadangan hendak meninggikan bayaran kepada RISDA daripada \$1,200 ke \$2,000; suka saya mengingatkan kepada Yang Berhormat iaitu tahun 1978 Kerajaan kita telah menaikkan lagi pemberian \$300 menjadi \$1,200 dan juga kepada mereka yang terdiri dari pekebun-pekebun kecil sebelum tahun 1957 diberi bantuan \$100 jadi \$1,300.

Di sini saya fikir tidak dapat dipersetujui walaupun Menteri Kewangan ada di sini mendengar—nampak dia senyum sahaja—saya fikir bantuan wang ini walaupun berapa banyak sekalipun belum tentu dapat mereka itu memajukan tanaman semula. Kadang-kadang lagi banyak dapat wang itu lagi kurang majunya tanaman semula itu (*Ketawa*). Kita gantikan daripada bantuan wang itu kita beri satu pemberian khas daripada Kementerian Kewangan yang mana kita memberi bantuan cara lain iaitu secara subsidi seperti perkakas-perkakas untuk tanaman semula seperti diberikan percuma gergaji (chain saw) dan perkara-perkara lain untuk menyenangkan mereka ini menanam semula.

Saya fikir pemberian seperti itu adalah lebih baik daripada ditambahkan kewangan kepada mereka itu.

Yang Berhormat dari Padang Rengas telah membangkitkan berkenaan dengan FELCRA untuk memajukan kawasan yang telah terbiar, katanya walaupun tanah itu merupakan kawasan tanah pinggir yang telah dibuka oleh Kerajaan Negeri. Ini banyak berlaku. Itulah tujuannya diadakan FELCRA itu iaitu Lembaga Pemulihan dan Penyataan Tanah Negara dan kita tahu dahulu Kerajaan Negeri semua mengeluarkan kawasan-kawasan untuk dibuka dengan cara Rancangan Tanah Pinggir atau Group Settlement Area katanya oleh Kerajaan Negeri yang mana kebanyakannya gagal. Dengan sebab itulah terpaksa pula Kerajaan Persekutuan menubuhkan satu Lembaga untuk memulih ataupun untuk mengubat penyakit yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri pula. Ini saya terangkan tujuan FELCRA ini. Tetapi untuk memulih itu, kita ada cara-cara dan prinsipnya sebelum kita memulih satu kawasan itu. Bukan mana yang gagal, FELCRA berlari datang membuka ataupun menolongnya, tidak sekali-kali. Terutamanya kita hendak tengok kesesuaian tanah itu, jika tidak Kerajaan Persekutuan akan menghabiskan wang, kalau tanah nampaknya lalang pun tidak gemok dengan sebab itulah ketinggalan, pokok getah pun tidak hidup, tiba-tiba FELCRA pergi buka. Jadi kesesuaian tanah itu yang pertama kita tengok.

Yang kedua, persetujuan tuan tanah. Masing-masing sudah ada geran, ada setengah sudah ditanam getah;  $\frac{1}{3}$  tidak ditanam langsung, tanah penuh dengan lalang, tiba-tiba bila kita hendak buka; mereka itu semua hendaklah menyerahkan tanah itu kepada FELCRA baru FELCRA boleh buka. Tetapi kebanyakannya timbul, ada 20 atau 30 orang pula yang ada pokok getah, celah sana-sini tidak mahu menyerahkannya. Ini pun FELCRA tidak akan terima melainkan semua menyerahkannya.

Yang ketiga, kalau ada Kerajaan Negeri pula setuju. Kalau tidak setuju FELCRA tidak dapat masuk juga.

Yang keempat, ahli-ahli FELCRA sendiri pula pergi minta kepada Kementerian ataupun menulis surat kepada Kementerian melalui Yang Berhormat selalunya ataupun kepada

FELCRA sendiri menolong mereka itu untuk memulihkan tanah. Kita tidak akan pergi memulih kalau tidak ada permintaan. Itu yang saya hendak terangkan.

Tentang syor Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang berkehendak ditubuhkan lebih banyak PPK, sememanglah RISDA menambah tiap-tiap tahun, misalnya, dalam tahun 1980 sahaja kita bercadang menubuhkan lebih kurang 40 buah lagi Rancangan PPK pada masa yang akan datang. Cadangan Yang Berhormat itu supaya PPK itu apakala hendak menubuh hendaklah melalui Tok Penghulu, Ketua Kampung ataupun Jawatankuasa Kemajuan Kampung; itu saya fikir baik, membina dan ini akan ditimbang oleh pihak RISDA.

Berkenaan dengan membanyakkan ahlinya ini terpulang kepada orang kampung itu kerana mereka itu bukan semuanya berkehendakkan masuk dalam PPK dan kita tidak boleh paksa mereka melainkan mereka sukarela masuk dalam PPK, baru kita dapat menerima.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong nampaknya membawa banyak masalah-masalah yang timbul, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini telah dua tiga kali datang ke Kementerian saya membawa rombongan-rombongan dari Pahang. Dan mengapakah dari Kepong pergi ke Pahang, saya pun tidak tahu (*Ketawa*). Beliau menimbulkan pinjaman credit kedai \$70 ini amatlah tidak mencukupi dan minta ditambah. Ini kita suka mengingatkan kita beri credit ini ialah kepada mereka ataupun kepada peneroka yang baru masuk dalam rancangan FELDA dan kadang-kadang baru mendapat hasil permulaan. Ini yang kita hadkan selepas setahun dua hasil itu keluar boleh dikatakan tidak ada had lagi kerana mereka kadang-kadang mendapat hingga \$600-\$700. Dia tidak hiraukan lagi yang \$70 ini. Kalaulah pendapatan mereka masih kecil tiba-tiba kita tinggikan hutangnya itu sampai \$150 sebulan tetapi hasilnya cuma \$160 sebulan mereka lagi sekali pula ramai-ramai dengan rombongan datang ke Kementerian saya menyatakan apa yang hendak makan tinggal \$10 lagi? Masalah itu pula timbul Katanya janganlah tolak hutang bulan ini. Ini perkara akan timbul.

Jadi untuk menambahkan credit itu boleh, tetapi kita mesti menimbangkan bebanan itu akan lebih berat kepada mereka itu. Walau bagaimanapun, kita sentiasa mengubah mengikut keadaan tentang pinjaman credit itu seperti yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

**Tuan Pengerusi:** Panjangkah lagi Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Banyak lagi, tetapi saya fikir had itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Saya sudah kata tadi mana yang saya tidak jawab ini, faham sahajalah (*Ketawa*). Dan saya selepas ini akan mengkaji dan membaca dan mana yang nampak boleh dilaksanakan akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kerana kebanyakannya memuji daripada mengeji Kementerian saya. Terima kasih banyak-banyak.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$37,423,700 untuk Maksud B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$903,152,204 untuk Maksud P. 66 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sambilan senarai tersebut.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 telah ditimbankan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL**

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat Ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan lagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**USUL**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan terus menimbangkan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) 1979 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan terus menimbangkan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) 1979 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN)  
(No. 2)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.22 ptg.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan bagi kali kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk membuat pindaan kepada Undang-undang Cukai Pendapatan bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan yang telah dibuat dalam Belanjawan 1980 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawanya pada 18hb Oktober, 1979.

Fasal 2 membuat peruntukan bagi menaikkan pendapatan boleh dicukai seseorang (lain daripada syarikat) yang dikecualikan dari cukai keuntungan berlebihan (excess profits tax) daripada \$75,000 kepada \$100,000. Dalam ucapan Belanjawan baru-baru ini, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mencadangkan supaya kadar maksima cukai pendapatan sebanyak 55% hanya dikenakan ke atas pendapatan yang melebihi \$100,000. Oleh yang demikian, cukai keuntungan berlebihan yang biasanya dikenakan bersama dengan kadar cukai pendapatan maksima, adalah dicadangkan supaya dikenakan ke atas pendapatan yang melebihi \$100,000.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 5 (3) Akta ibu supaya seksyen itu hanya dipakai bagi seksyen 5 Bahagian 11 dalam Cukai Pendapatan Tambahan 1967. Pada masa ini, peruntukan yang ada dalam Akta ibu boleh menimbulkan kekeliruan di mana seseorang pemilik lombong yang tidak mengusahakan lombong itu sendiri tetapi menerima "tribute" tidak tertakluk kepada cukai keuntungan timah (tin profits tax) dan juga cukai keuntungan berlebihan (excess profits tax). Sebenarnya, ini bukanlah tujuannya. Pindaan adalah dicadangkan sekarang untuk mengelakkan sebarang salah pengertian (misinterpretation) mengenai peruntukan undang-undang itu. Berikutan dengan pindaan ini, pemilik lombong yang tidak mengusahakan lombongnya tetapi menerima "tribute" akan tertakluk kepada cukai keuntungan berlebihan memandangkan ia tidak tertakluk kepada cukai keuntungan timah.

Fasal 4 memperuntukkan pindaan bagi memotong perkataan "pendapatan tenaga" (earned income) dalam seksyen 18 Akta ibu. Langkah ini adalah bertujuan untuk menghapuskan pelepasan pendapatan tenaga bagi seseorang individu dan keluarga sekutu

Hindu serta pelepasan tenaga bagi seseorang isteri yang pendapatannya ditaksirkan atas nama suaminya.

Dalam Belanjawan 1980 di samping mengekalkan jumlah ribet sebanyak \$60 untuk diri sendiri; dan \$30 untuk isteri, adalah dicadangkan supaya pelepasan cukai pendapatan perseorangan dinaikkan dari \$2,000 kepada \$5,000 yang bererti terdapat tambahan sebanyak \$3,000. Tambahan pelepasan cukai pendapatan perseorangan sebanyak \$3,000 adalah seperti berikut:

\$1,000 adalah pelepasan yang merupakan tambahan sebenar kepada pelepasan perseorangan;

\$1,000 adalah pelepasan untuk tanggungan saudara mara; dan \$1,000 lagi adalah pelepasan untuk menggantikan pelepasan tenaga pendapatan.

Dengan cadangan ini berertilah seseorang pembayar cukai layak mendapat pelepasan untuk dirinya sendiri sebanyak \$4,000 dan pelepasan tanggungan saudara mara sebanyak \$1,000. Fasal 6 memperuntukkan pindaan bagi maksud ini.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat perhatikan pelepasan-pelepasan untuk tanggungan ini adalah diasingkan dari pelepasan diri. Ini adalah untuk menyedarkan pembayar-pembayar cukai bahawa Kerajaan juga menyediakan pelepasan untuk tanggungan saudara mara bagi meringankan beban pembayar-pembayar cukai yang terpaksa menanggung saudara mara mereka.

Saya sukalah hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan adalah sentiasa mengkaji kadar-kadar pelepasan cukai pendapatan untuk menyesuaikan dengan keadaan kos saraan hidup yang bertambah dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diingatkan bahawa pelepasan cukai pendapatan ini adalah bertujuan untuk meringankan sedikit beban kos saraan hidup pembayar cukai dan bukannya untuk menanggung saraan hidup seseorang pembayar cukai sepenuhnya. Dalam Belanjawan 1977 Kerajaan telahpun menambahkan pelepasan cukai pendapatan perseorangan dalam bentuk ribet

sebanyak \$60 dan memberikan ribet sebanyak \$30 untuk isteri yang ditaksirkan bersama suaminya. Meskipun tambahan itu telah dibuat dengan memberi ribet sebanyak \$60 bagi diri sendiri dan \$30 bagi isteri, hasilnya adalah sama juga seperti menambah pelepasan persendirian sebanyak \$1,500 untuk mereka yang dikenakan cukai pada kadar 6%. Dalam Belanjawan 1979, Kerajaan telah menambahkan pelepasan anak-anak untuk seramai 5 orang dari \$2,350 kepada \$3,000 dan juga pelepasan untuk caruman kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) dan insurans daripada \$3,000 kepada \$3,500.

Berikutan dengan cadangan menaikkan pelepasan diri dalam Belanjawan 1980, pula jumlah pelepasan yang ada sekarang sebanyak \$10,500 (tidak termasuk ribet) adalah dicadangkan ditambah menjadi \$13,500 (termasuk ribet) iaitu seperti berikut:

Pelepasan perseorangan ...	\$5,000
Pelepasan untuk isteri ...	2,000
Pelepasan untuk anak-anak	3,000
Pelepasan untuk caruman KWSP dan bayaran insuran	3,500
Jumlah ...	<hr/> \$13,500 <hr/>

Ini berertilah bagi pembayar cukai yang berkahwin dan mempunyai 5 orang anak dan membuat sumbangan kepada KWSP dan bayaran insurans yang menerima gaji \$1,100 sebulan tidak akan membayar cukai.

Bagi pembayar cukai yang berkahwin tetapi tidak mempunyai anak dan tidak membuat sumbangan kepada KWSP dan bayaran insurans yang menerima gaji \$700 sebulan juga tidak membayar cukai. Daripada contoh ini membuktikan Kerajaan adalah memang sentiasa memberi perhatian yang berat kepada kebajikan rakyat bagi memastikan rakyat berupaya mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan untuk keperluan hidup. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedar akan langkah yang diambil oleh Kerajaan ini dalam usahanya membuat penyesuaian yang berkesan mengenai struktur cukai pendapatan perseorangan.

Fasal 7 membuat peruntukan bagi meminda kadar pelepasan cukai untuk isteri dari \$1,000 kepada \$2,000 dan menghapuskan pendapatan tenaga bagi isteri yang bekerja dan membuat atas nama suami . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 6hb Disember, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*